

**PERSOALAN ISLAM
ANDA BERTANYA
MUFTI MENJAWAB**

**PERSOALAN ISLAM
ANDA BERTANYA MUFTI MENJAWAB**

Fadhilah Dr. Ali Jum'ah
Mufti Besar Mesir

Al-Bayan Lima Yasyghulul Adzhan

Penterjemah

Haji Jainal Sakiban Al-Jauhari

Cetakan Pertama: 2013M/1434H

Hakcipta terpelihara.

ISBN 978-967-5987-09-0

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin daripada pihak penerbit

Diterbitkan oleh:

Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah dan Syariah
Majlis Agama Islam Negeri Johor
Jalan Masjid Abu Bakar, Karung Berkunci 725,
80990 Johor Bahru
Johor Malaysia

Dicetak oleh:
Master Gifts Sdn Bhd.

PERSOALAN ISLAM ANDA BERTANYA MUFTI MENJAWAB

Fadhilah Dr. Ali Jum'ah
Mufti Besar Mesir

Penterjemah
Haji Jainal Sakiban Al-Jauhari

PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Tajuk-tajuk yang dibincangkan dalam risalah ini merupakan fatwa Mufti Besar Mesir Sohibus Samahah Fadhilah Dr. Ali Jum'ah mengenai persoalan Islam yang sering dibangkitkan oleh masyarakat kepada Jabatan Mufti Johor. Berbagai fatwa yang memerlukan jawapan yang padat dan tepat dikemukakan dalam risalah ini.

Fatwa Mufti Mesir dipilih kerana persoalan yang dikemukakan dalam risalah ini memberikan pencerahan kepada kita mengenai persoalan yang sering dibangkitkan oleh gerakan anti Islam seperti soal poligami, bahagian faraid bagi kaum wanita dianggap diskriminasi kepada wanita dan lain-lain persoalan lagi.

Diharapkan risalah ini dapat membantu masyarakat Islam memahami dan mendalami persoalan mengenai Islam yang dijawab oleh sohibus samahah fadhilah Mufti Besar Mesir dengan lebih jelas, tepat dan berkesan. Sekian.

(DATO' HAJI M. TAHRIR BIN DATO' HAJI SAMSUDIN)
Mufti Negeri Johor.

1 April 2013

INTISARI KANDUNGAN

SOALAN	PERKARA	HAL
1.	Kedudukan agama Islam di kalangan agama yang telah lalu.	7
2.	Menyelaraskan antara Islam sebagai agama terakhir dengan Islam sebagai agama para rasul?	16
3.	Apakah yang menyebabkan seseorang itu kagum dengan agama Islam?	23
4.	Adakah kehancuran umat Islam itu mengakibatkan kehancuran alam ini, dan kenapa?	42
5.	Bagaimanakah kedudukan akhlak dalam Islam?	46
6.	Adakah ungkapan: Berbahagialah orang yang sibuk melihat keaiban dirinya sendiri dari melihat keaiban orang lain itu hadis Nabi? Dan ungkapan yang bermaksud: Seseorang itu akan nampak kekotoran yang ada di mata kawannya sedangkan dia tidak nampak apa yang ada di matanya, hadis Nabi juga? Jika kedua-duanya hadis Nabi, bagaimana jika kita ingin	51

-
- menyelaraskan pengajaran dari kedua-dua hadis tersebut?
7. Adakah ungkapan “Al-Isnad minaddin” itu hadis Nabi? dan apakah yang dimaksudkan dengannya? 57
 8. Apakah kedudukan ungkapan: Jangan engkau lakukan sesuatu perkara di dalam agama Islam? 60
 9. Bagaimana caranya menolak dakwaan bahawa Islam menzalimi kaum wanita dalam isu pewarisan harta pusaka? 65
 10. Menolak dakwaan berkaitan dengan isu poligami. 86

Soalan 1

Dimanakah kedudukan risalah Islam di kalangan risalah-risalah yang lalu?

Jawab

Islam adalah risalah Allah yang terakhir untuk menjadi panduan hidup manusia. Ia merupakan agama yang diturunkan

kepada Nabi Muhammad SAW, sebagaimana ianya menjadi agama Allah untuk seluruh alam semesta.

Setiap nabi membawa risalah daripada Allah khusus kepada kaumnya sahaja, sedangkan Nabi Muhammad SAW membawa agama Islam sebagai risalah Allah yang terakhir kepada seluruh umat manusia dan jin. Firman Allah:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

“Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.” (Al-Anbiya’: 107)

Firman Allah:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ
النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٨﴾

“Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu).” (Saba’: 28)

Firman Allah:

قُلْ يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ
مُلْكُ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ
فَعَامِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ
وَكَالِمَتِهِ ۗ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿٥٨﴾

“Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai sekalian manusia, Sesungguhnya aku adalah Pesuruh Allah kepada kamu semuanya, (di utus oleh Allah) yang menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu, berimanlah

kamu kepada Allah dan RasulNya, Nabi yang Ummi yang beriman kepada Allah dan Kalimah-KalimahNya (kitab-kitabNya); dan ikutilah dia, supaya kamu beroleh hidayah pertunjuk." (Al-A'raf: 158)

Disamping itu juga, Rasulullah SAW telah memberitahu bahawa Allah SWT telah memberikan keistimewaan ini khusus untuk baginda dengan sabda baginda yang bermaksud: "Seseorang nabi itu diutuskan khusus untuk kaumnya sahaja, dan aku diutuskan oleh Allah kepada sekalian manusia."

Islam adalah agama yang mudah dan bukan agama yang menyusah dan merumitkan. Firman Allah:

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

"Dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama." (Al-Haj: 78)

Firman Allah:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمْ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمْ الْعُسْرَ

"(Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran." (Al-Baqarah: 185)

Allah telah mengasaskan agama Islam ini pada urusan yang zahir berdasarkan kepada lima rukun, iaitu:

Mengucap dua kalimah syahadah, solat, zakat, puasa dan menunaikan haji. Akidah keimanan yang batin pula berasaskan kepada enam rukun, iaitu: Beriman kepada Allah, malaikatNya, rasulNya, kitabNya, hari akhirat dan qada' qadarNya. Kemudian berkembang daripada rukun iman tersebut beberapa cabang yang ditunjukkan dalam bentuk perintah dan larangan dalam syariat Islam di mana bilangannya mencecah kepada lebih tujuh puluh cabang sebagaimana yang diberitahu oleh Rasulullah SAW di dalam hadis baginda.

Rukun Islam dan rukun iman ini telah dijelaskan di dalam hadis Jibril a.s. yang diriwayatkan oleh Saidina Umar r.a. di mana beliau berkata:

“Ketika kami duduk bersama Rasulullah SAW pada suatu hari, tiba-tiba kami didatangi oleh seorang lelaki yang memakai pakaian serba putih, mempunyai rambut yang hitam legam, tidak terdapat tanda-tanda seperti orang musafir, tidak ada seorang pun yang mengenalinya, lalu dia duduk bersila di sebelah Nabi SAW seraya bertanya: Wahai Muhammad, beritahu kepada kami mengenai Islam. Lalu Rasulullah SAW bersabda: Islam itu ialah kamu naik saksi bahawa tidak ada Tuhan yang layak disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, dan sesungguhnya Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa bulan Ramadan dan mengerjakan haji bagi mereka yang berkemampuan. Dia berkata: Betul apa yang kamu katakan itu. Kata Umar, kami

hairan mengenainya, dia yang bertanya dan dia sendiri yang mengakui kebenarannya. Kemudian dia bertanya lagi: Beritahu kepada kami mengenai iman. Nabi bersabda: Bahawa engkau beriman kepada Allah, malaikatNya, kitabNya, rasulNya, hari akhirat dan beriman dengan qada' dan qadar baik dan buruknya. Dia berkata, memang benar akan apa yang engkau katakan itu.

Kemudian Jibril bertanya lagi: Beritahu kepada kami mengenai ihsan. Nabi bersabda: Bahawa engkau menyembah Allah seolah-olahnya engkau melihat Allah, maka jika sekiranya engkau tidak dapat melihatNya, yakinlah bahawa Allah melihatmu. Kemudian dia bertanya lagi, beritahulah kepadaku tentang hari kiamat, Nabi bersabda: Bukankah yang bertanya mengenainya lebih mengetahui daripada yang ditanya. Dia bertanya lagi: Beritahu aku mengenai tanda-tandanya? Nabi Bersabda: Bahawa kamu akan melihat seorang hamba melahirkan anak yang akan menjadi tuannya, dan engkau akan lihat orang yang bertelanjang tidak berkasut dan menjadi pengembala kambing akan berlumba-lumba meninggikan bangunan. Kemudian Umar berkata, kemudian lelaki itu pun pergi, dan selang tidak lama selepas itu Nabi berkata kepadaku: Wahai Umar, tahukah engkau siapa yang bertanya tadi? Aku menjawab, hanya Allah dan rasulNya sahaja yang mengetahui. Nabi bersabda: Dialah Malaikat Jibril, dia datang kepada kamu untuk mengajar agama kamu. Nabi SAW juga telah memberitahu tentang pecahan

iman dengan sabdanya: Iman itu mempunyai tujuh puluh lebih pecahan dan perasaan malu itu adalah sebahagian daripada iman.¹

Nama Islam

Adapun tentang agama ini dinamakan dengan nama Islam ialah kerana Islam itu adalah agama penyerahan iaitu penyerahan diri kepada Allah SWT pencipta segala alam. Ianya adalah agama yang menyeru setiap muslim tunduk hanya kepada Allah sahaja dengan membuang semua penyembahan yang lain daripada Allah seperti berhala termasuk hawa nafsu, kerana terkadang seseorang itu mensyirikkan Allah dengan mengikut hawa nafsunya.

Firman Allah:

أَرَأَيْتَ مَنْ أَخَذَ إِلَهَهُ هَوْنَهُ أَفَأَنْتَ تَكُونُ عَلَيْهِ وَكِيلاً

“Nampakkah (wahai Muhammad) keburukan keadaan orang yang menjadikan hawa nafsunya: Tuhan yang dipuja lagi dita'ati? Maka dapatkah engkau menjadi pengawas yang menjaganya jangan sesat?” (Al-Furqan: 43)

Sebagaimana Islam juga menyeru setiap muslim supaya menerapkan kesejahteraan ke atas dirinya bersama

¹ Riwayat Al-Bukhari dalam Sohih Al-Bukhari, 1/12; dan Muslim dalam Sohih Muslim 1/63.

kejadian Allah yang terbentang di alam yang luas ini. Oleh itu, Rasulullah SAW bersabda:

الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ.

“Seseorang yang beragama Islam ialah orang yang menjaga orang Islam yang lain dari lidahnya dan tangannya.²

Islam adalah agama yang diperakui oleh Allah. Dialah yang menamakannya dengan nama tersebut dan Dialah yang meredhai nama tersebut. Firman Allah:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي
وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

“Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan aku telah cukupkan nikmatku kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.”
(Al-Maidah: 3)

FirmanNya lagi:

مَلَّةَ أَبِيكُمْ إِبْرَاهِيمَ ۗ هُوَ سَمَّاكُمُ الْمُسْلِمِينَ مِنْ قَبْلُ وَفِي هَذَا

² Riwayat al-AI-Bukhari, 3/13; dan Muslim, 1/65.

لِيَكُونَ الرَّسُولُ شَهِيدًا عَلَيْكُمْ وَتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ ۗ

“Agama bapa kamu Ibrahim. Ia menamakan kamu: "orang-orang Islam" semenjak dahulu dan di dalam (Al-Qur'an) ini, supaya Rasulullah (Muhammad) menjadi saksi yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu, dan supaya kamu pula layak menjadi orang-orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah).” (Al-Haj: 78)

Allah SWT menamakan orang yang beragama Islam sebagai orang Islam adalah merupakan keistimewaan bagi umat Islam yang menjadi agama terakhir dan Nabi terakhir. Adapun orang Yahudi, mereka sendiri yang menamakan diri mereka Yahudi berdasarkan panggilan nabi Musa kepada mereka dengan nama tersebut. Ini seperti yang diceritakan oleh Allah mengenainya. Firman Allah:

إِنَّا هَدَيْنَا إِلَيْكَ ۗ قَالَ عَذَابِي أُصِيبُ بِهِ مَنۢ مِّنۢ أَشْيَاءِ ۗ وَرَحْمَتِي وَسِعَتْ كُلَّ شَيْءٍ ۗ

“Sesungguhnya kami kembali (bertaubat) kepadaMu”. Allah berfirman: "AzabKu akan Aku timpakan kepada sesiapa yang Aku kehendaki, dan rahmatKu meliputi tiap-tiap sesuatu.” (Al-A'raf: 156)

Agama Nasrani juga menamakan diri mereka dengan nama Nasrani. Firman Allah:

وَمِنَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّا نَصْرَىٰ أَخَذْنَا مِيثَقَهُمْ
فَنَسُوا حَظًّا مِمَّا ذُكِّرُوا بِهِ

“Dan di antara orang-orang yang berkata: "Bahawa kami ini orang-orang Nasrani", kami juga telah mengambil perjanjian setia mereka, maka mereka juga melupakan (meninggalkan) sebahagian dari apa yang diperingatkan mereka dengannya.” (Al-Maidah: 14)

Segala puji bagi Allah Tuhan pentadbir sekalian alam yang telah menentukan kepada kami nama tersebut dan memberikan kami dengan beberapa kelebihan dibandingkan dengan makhluk-makhluk Allah yang lain.

Semoga dengan jawapan tersebut kita mengetahui kedudukan Islam di kalangan agama-agama Allah yang lalu. Demikian juga kita telah mengetahui secara ringkas bagaimana terbentuknya agama ini dan mengapa agama ini dinamakan dengan nama Islam serta pengikutnya dinamakan muslimin. Wallahu A'lam.

Soalan 2

Bagaimanakah caranya menyelaraskan antara Islam sebagai agama terakhir dengan Islam sebagai agama semua para rasul?

Jawab

Akidah yang satu itulah yang dikehendaki oleh Allah SWT daripada manusia sejak Nabi Adam a.s. hinggalah kepada Nabi Muhammad SAW. Akidah tersebut ialah akidah (لا إله إلا الله);

Bahawa Tuhan yang Maha Agung, Dialah pencipta yang mentadbir hamba-hambanya dan mengutuskan para rasul kepada mereka. Maka memang sewajarnya ke atas manusia mempercayai para rasul dan mematuhi ajaran mereka, beriman dengan apa yang dikhabarkan kepada mereka mengenai perintah Allah dan berita tentang akhirat.

Firman Allah:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ إِلَّا نُوحِي إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا

أَنَا فَاعْبُدُونِ ﴿٢٥﴾

“Dan Kami tidak mengutus sebelumnya (wahai Muhammad) seorang Rasul pun melainkan Kami wahyukan kepadanya:

"Bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Aku; oleh itu, beribadatlah kamu kepadaKu". (Al-Anbiyak: 25)

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَسُولٍ إِلَّا بِلِسَانِ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ

"Dan Kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka." (Ibrahim: 4)

Allah menjelaskan kepada kita, bahawa mentauhidkan Allah dalam beribadah merupakan asas risalah bagi semua rasul. Firman Allah;

أَنْ أَعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ

"Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya." (Al-Mukminun: 32)

Berdasarkan kepada kenyataan ini, maka menyembah Allah yang Maha Esa itulah asas akidah Islam, dan boleh dikatakan dari segi akidah yang satu, itulah agama semua para nabi.

Firman Allah:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

“Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam.” (Ali Imran: 19)

FirmanNya lagi:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ

“Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya.” (Ali Imran: 85)

أَلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ
الْإِسْلَامَ دِينًا

“Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan aku telah cukupkan nikmatku kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.” (Al-Maidah: 3)

Allah menghendaki bahawa agama Islam itu sebagai agama terakhir membawa syariahnya, sebagaimana ianya juga sebagai agama yang membawa akidah yang satu, selain agama Islam itu bergabung dari segi asas ibadat, perintah dan larangannya selaras dengan semua syariat yang terdahulu daripadanya. Semua dosa besar yang diharamkan oleh Allah pada agama yang terdahulu diharamkan juga di dalam Islam seperti membunuh dan berzina.

Demikian juga asas syariat dan ibadat yang diperintahkan oleh Allah pada agama yang telah lalu seperti solat dan zakat, diperintahkan juga di dalam agama Islam. Cuma secara terperinci mengenai solat dan kadar zakat itu sahaja yang berbeza disebabkan perbezaan umat. Berdasarkan kepada asas tersebut, maka agama Islam adalah agama yang mengandungi akidah, syariat dan semua asas-asas syariat agama yang lalu. Justeru, Allah menjelaskan kepada umat Nabi Muhammad SAW bahawa agama Islam itu telah sempurna, dan Allah telah mencukupkan nikmatNya melalui agama ini dan Allah juga telah redha Islam itu sebagai agama yang mesti dianuti. Ini menunjukkan bahawa agama Islam adalah agama umat ini sebagaimana ianya juga merupakan agama para nabi dan semua rasul.

Firman Allah:

شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ مَا وَصَّى بِهِ نُوحًا وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَمَا
وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى وَعِيسَى أَنْ أَقِيمُوا الدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا
فِيهِ كَبُرَ عَلَى الْمُشْرِكِينَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ ۗ اللَّهُ يَجْتَبِي إِلَيْهِ مَنْ يَشَاءُ
وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ يُنِيبُ ﴿١٣﴾

“Allah telah menerangkan kepada kamu - di antara perkara-

perkara agama yang Ia tetapkan hukumnya - apa yang telah diperintahkanNya kepada Nabi Nuh, dan yang telah Kami (Allah) wahyukan kepadaMu (wahai Muhammad), dan juga yang telah Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa serta Nabi Isa, iaitu: "Tegakkanlah pendirian agama, dan janganlah kamu berpecah belah atau berselisihan pada dasarnya". Berat bagi orang-orang musyrik (untuk menerima agama tauhid) yang engkau seru mereka kepadanya. Allah memilih serta melorongkan sesiapa yang dikehendakiNya untuk menerima agama tauhid itu, dan memberi hidayah pertunjuk kepada agamaNya itu sesiapa yang rujuk kembali kepadaNya (dengan taat)." (As-Syura: 13)

FirmanNya lagi:

وَمَنْ يَرْغَبْ عَنِ مِلَّةِ إِبْرَاهِيمَ إِلَّا مَنْ سَفِهَ نَفْسَهُ ۚ وَلَقَدِ
 أَصْطَفَيْنَاهُ فِي الدُّنْيَا ۗ وَإِنَّهُ فِي الْآخِرَةِ لَمِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٢٤﴾ إِذْ
 قَالَ لَهُ رَبُّهُ أَسْلِمَ ۗ قَالَ أَسْلَمْتُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٢٥﴾ وَوَصَّى بِهَا
 إِبْرَاهِيمُ بَنِيهِ وَيَعْقُوبُ بَنِيَّ ۚ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَى لَكُمْ الدِّينَ فَلَا
 تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٢٦﴾

"Tidak ada orang yang membenci agama Nabi Ibrahim selain dari orang yang membodohkan dirinya sendiri, kerana

sesungguhnya Kami telah memilih Ibrahim (menjadi Nabi) di dunia ini; dan sesungguhnya ia pada hari akhirat kelak tetaplah dari orang-orang yang soleh (yang tertinggi martabatnya).

(Ingatlah) ketika Tuhannya berfirman kepadanya: "Berserah dirilah (kepadaKu wahai Ibrahim," Nabi Ibrahim menjawab: "Aku berserah diri (tunduk ta'at) kepada Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam".

Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat dengan agama itu kepada anak-anaknya, dan (demikian juga) Nabi Ya'qub (berwasiat kepada anak-anaknya) katanya: "Wahai anak-anakku, Sesungguhnya Allah telah memilih agama (Islam) ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam". (Al-Baqarah: 130-132)

FirmanNya lagi:

وَأْمَرْتُ أَنْ أَكُونَ مِنَ الْمُسْلِمِينَ

"Dan aku pula diperintah supaya menjadi dari orang-orang Islam (yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah)". (Yunus: 72)

FirmanNya lagi:

وَقَالَ مُوسَىٰ يَنْقُومِ إِن كُنتُمْ ءَامِنْتُمْ بِاللَّهِ فَعَلَيْهِ تَوَكَّلُوا

﴿٨٤﴾ **إِنْ كُنْتُمْ مُّسْلِمِينَ**

"Dan Nabi Musa pula berkata (kepada kaumnya): "Wahai kaumku kalau sungguh kamu beriman kepada Allah, maka hendaklah kamu berserah diri kepadaNya, jika betul kamu orang-orang Islam (yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah)".(Yunus: 84)

Firman Allah menceritakan tentang Balqis Raja Sabak:

قَالَتْ رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي وَأَسْلَمْتُ مَعَ سُلَيْمَانَ لِلَّهِ رَبِّ

﴿٤٤﴾ **الْعَالَمِينَ**

"(Mendengar yang demikian), Balqis berdoa'; 'Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku telah menganiaya diri sendiri; dan (sekarang aku menegaskan bahawa) aku berserah diri memeluk Islam bersama-sama Nabi Sulaiman, kepada Allah Tuhan sekalian alam". (An-Naml: 44)

Allah SWT menjelaskan bahawa Nabi Ibrahim, Ya'kub dan anak-anaknya (asbath), Nabi Nuh a.s, Nabi Sulaiman a.s dan penganut-penganut mereka sebagai orang Islam. Apa yang dijelaskan di atas nyata bahawa Islam adalah agama yang tunggal semenjak Nabi Ibrahim hingga kepada Nabi Muhammad SAW.

Soalan 3

Apakah yang menyebabkan seseorang itu kagum dengan agama Islam?

Jawab

Keindahan Islam telah mengkagumkan akal fikiran manusia. Islam juga membuka pintu hati manusia dengan ketinggian akhlak dan budi pekertinya yang tidak dimiliki oleh orang yang bukan Islam, di mana mereka yang bukan Islam tetap menghormatinya sekalipun tidak tertarik untuk memeluknya kerana melihat akhlak penganutnya yang berdasarkan wahyu dan pendidikan berasaskan Rabbani. Maka Islam itu adalah agama yang membawa rahmat, agama yang membawa kesejahteraan dan kebaikan kepada umat manusia. Rasulullah SAW bersabda:

المؤمن هين لين جواد سمح له خلق حسن.

“Bahawa orang mukmin itu mudah berurusan, lemah lembut orangnya, pemurah, pemaaf dan mengamalkan akhlak yang mulia.”³

³ Riwayat Ibn Hibban dalam Sohihnya 2/215; dan At-Thobrani dalam Al-Kabir 10/231.

Maka dengan akhlak yang mulia, menunaikan janji, bercakap benar, mudah insaf dan mengakui perkara yang benar itu Islam telah menarik dan mengagumkan akal manusia hingga menyebabkan mereka masuk Islam secara berduyun-duyun.

Disebabkan metodologi Islam adalah pelaksanaan secara amali mengenai keagungan Allah dan wahyu yang turunkan di dalam Al-Quran dan sunnah nabi SAW itulah yang mampu membentuk sikap setiap muslim itu dapat menyesuaikan diri berdasarkan panduan Ilahi dalam menguruskan kehidupannya dengan alam semesta.

Orang Islam berdasarkan akidahnya pertama sekali perlu menjawab persoalan asasi yang timbul iaitu dari mana kita datang, ia merupakan persoalan yang berkaitan dengan masa silam, akan tetapi ia timbul disebabkan hairan dan kejahilan manusia tentang kewujudannya. Sebagaimana anak yang kecil bertanyakan dari mana dia datang? Memang dia tidak ingat hari kelahirannya dan dia tidak mempunyai kemampuan untuk menjawab persoalan tersebut. Ini berdasarkan firman Allah:

مَا أَشْهَدُهُمْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَا خَلَقَ أَنْفُسِهِمْ وَمَا كُنْتُ

﴿ ٥١ ﴾ مُتَّخِذَ الْمُضِلِّينَ عَضُدًا

“Aku tidak memanggil mereka menyaksi atau membantuKu menciptakan langit dan bumi, dan tidak juga meminta bantuan setengahnya untuk menciptakan setengahnya untuk menciptakan setengahnya yang lain; dan tidak sepatutnya Aku mengambil makhluk-makhluk yang menyesatkan itu sebagai pembantu.” (Al-Kahfi: 51)

Orang Islam akan menjawab berdasarkan keimanannya bahawa Allah yang menciptakan langit dan bumi dan menjadikan manusia, dan Dialah yang menciptakan segala-galanya. Firman Allah;

﴿ ١ ﴾ الرَّحْمَنُ ﴿ ٢ ﴾ عَلَّمَ الْقُرْآنَ ﴿ ٣ ﴾ خَلَقَ الْإِنْسَانَ

“(Tuhan) yang Maha Pemurah serta melimpah-limpah rahmatNya. Dialah yang telah mengajarkan Al-Qur'an. Dialah yang telah menciptakan manusia.” (Ar-Rahman: 1-3)

Orang Islam beriman dengan keesaan Allah (tauhid) bukan hanya keesaan tentang ketuhanan sahaja, malahan keseluruhan tauhid yang merangkumi pembinaan akidahnya. Oleh itu, setiap muslim beriman bahawa nabi Muhammad SAW adalah satu dan kesudahan bagi para nabi dan rasul.

Firman Allah:

مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَكِن رَّسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ
النَّبِيِّينَ .

“Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasulullah dan kesudahan segala nabi-nabi.” (Al-Ahzab: 40)

Kitabnya juga iaitu Al-Quran adalah satu tanpa berbilang, justeru ianya dipelihara oleh Allah SWT daripada berlaku sebarang penyelewengan. Firman Allah:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Qur'an, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.” (Hijr: 9)

Umatnya juga satu: Firman Allah:

إِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاعْبُدُونِ ﴿٩٢﴾

“Sesungguhnya agama Islam inilah agama kamu, agama yang satu asas pokoknya, dan Akulah Tuhan kamu; maka sembahlah kamu akan Daku.” (Al-Anbiya': 92)

Kiblatnya adalah satu, firman Allah”

فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ^ج وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا
وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ^ط

“Oleh itu palingkanlah mukamu ke arah masjid Al-Haram (tempat letaknya Ka'bah); dan dimana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya.” (Al-Baqarah: 144)

Risalahnya adalah satu sepanjang zaman, firman Allah:

مِلَّةَ أَبِيكُمْ إِبْرَاهِيمَ^ج هُوَ سَمَنُكُمْ الْمُسْلِمِينَ مِنْ قَبْلُ وَفِي هَذَا
لِيَكُونَ الرَّسُولُ شَهِيدًا عَلَيْكُمْ وَتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ^ج

“Agama bapa kamu Ibrahim. Ia menamakan kamu: "orang-orang Islam" semenjak dahulu dan di dalam (Al-Qur'an) ini, supaya Rasulullah (Muhammad) menjadi saksi yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu, dan supaya kamu pula layak menjadi orang-orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah).” (Al-Haj: 78)

Tauhid dengan makna yang sedemikian merangkumi segala perkara dan setiap individu serta melangkaui zaman dan tempat. Sudah tentulah ia memberi kesan kepada pemikiran muslim semasa; ia juga menjadi asas untuk memahami kehidupan dan berinteraksi dengan persekitaran khususnya insan itu sendiri.

Orang Islam beriman bahawa Allah SWT tidak menciptakan makhluk tanpa ada tanggungjawab (taklif), malahan diberinya tanggungjawab melalui syariat dan kitab wahyu. Firman Allah:

لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَا جَا

“Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu Syari’at dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing).” (Al-Maidah: 48)

Walaupun bagaimanapun, Allah menjadikan Islam sebagai agama yang diredhaiNya sepanjang zaman semenjak Nabi Adam a.s. hingga Nabi Muhammad SAW. Firman Allah:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

“Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam.” (Ali Imran: 19)

FirmanNya lagi:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ

“Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya.” (Ali Imran: 85)

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ

الْإِسْلَامَ دِينًا

“Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan aku telah cukupkan nikmatku kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.” (Al-Maidah: 3)

Persoalan Taklif

Untuk menjawab mengenai persoalan taklif hendaklah kita menjawab dahulu persoalan yang kedua, iaitu apakah yang kita lakukan di dunia ini?

Taklif diasaskan kepada tiga perkara:

Pertama:

Beribadah kepada Allah SWT. Ibadah itulah yang wajib ke atas insan untuk membangunkan kemajuan dan tamadun.

Firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾ مَا أُرِيدُ مِنْهُمْ مِّن رِّزْقٍ وَمَا أُرِيدُ أَنْ يُطْعَمُوا ۗ إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ
الْمَتِينِ ﴿٥٨﴾

“Dan (ingatlah), Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu. Aku tidak sekali-kali menghendaki sebarang rezeki pemberian dari mereka, dan Aku tidak menghendaki supaya mereka memberi makan kepadaKu. Sesungguhnya Allah Dialah sahaja yang Memberi rezeki (kepada sekalian makhluknya, dan Dialah sahaja) yang Mempunyai Kekuasaan yang tidak terhingga, lagi yang Maha Kuat Kukuh kekuasaanNya.” (Az-Zariat: 5)

Kedua:

Mengimarahkan atau memakmurkan muka bumi. Ini dilakukan dengan aktiviti pembangunan dan pemakmuran seterusnya melarang daripada segala aktiviti yang membawa kepada kehancuran dan kemusnahan. Firman Allah:

هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا

“Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi serta

menghendaki kamu memakmurkannya.” (Hud: 61) ⁴

FirmanNya lagi:

وَلَا تَعْتَوُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴿٨٥﴾

“Dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakkan di muka bumi ini.” (Hud: 85)

Ketiga:

Menyucikan jiwa. Firman Allah:

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ﴿٧﴾ فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ﴿٨﴾ قَدْ أَفْلَحَ

مَنْ زَكَّاهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ﴿١٠﴾

“Demi diri manusia dan yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai Dengan keadaannya);

serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertaqwa;

Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya - Yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan),

⁴ Iaitu kamu dituntut untuk mengimarahkannya.

dan Sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat). (As-Syams: 7-10)

Hendaklah juga kita beriman bahawa terdapat selepas ini hari yang lain iaitu hari akhirat, di mana segala amalan sama ada baik atau jahat akan dihisab dan akhirnya sama ada mendapat balasan syurga atau diazab di neraka. Firman Allah:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧٧﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ

شَرًّا يَرَهُ ﴿٧٨﴾

“Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surah amalnya)! Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surah amalnya)!” (Al-Zalzalah: 7-8)

Iman inilah yang memberi kesan kepada akhlak seseorang mukmin dalam bentuk galakan dan tegahan. Justeru kita lihat seseorang itu sanggup menghadapi sebarang kesukaran atau perkara yang menghilangkan minat jika dia melihat bahawa perkara tersebut mendekatkan dia ke syurga dan beroleh ganjaran pahala. Atau kita lihat seseorang itu tidak mahu melakukan sesuatu perkara yang menyeronokkan dan mempersonakannya sekiranya dia

melihat perkara itu mendekatkan dia ke neraka dan beroleh dosa. Sikap sedemikian ada kaitannya dengan beriman seseorang kepada Allah dan beriman dengan taklif yang memberi kesan kepada kehidupannya. Iman ini mestilah memberi kesan dalam bentuk yang positif, kerana kalau tidak ia akan bertukar menjadi takut dan berharap yang menjadi penghalang kemajuan hidup. Sebenarnya, Allah mensyariatkan perkara ini (iman) adalah untuk melindungi kehidupan dan mempertahankannya, dan jika sekiranya tindak tanduk kita menjadi penghalang kepada perkara sebaliknya, maka ia telah menjadi penghalang kepada kemajuan hidup dan ini sudah bertentangan dengan tujuan syariat yang mulia.

Tiga persoalan utama ini telah membentuk suatu gagasan pemikiran yang menjelmakan identiti seorang muslim yang kita harapkan setiap muslim kembali kepadanya sebagaimana tujuan asal ia diturunkan dan memahami tujuan Allah menurunkan wahyuNya.

Setiap muslim mesti beriman secara mutlak bahawa Allah SWT itu tidak ada kesudahan dan tidak terbatas. Beriman dengan Allah yang tidak ada kesudahan dan tidak ada penghujung itu lahir dari beriman dengan nama-nama dan sifat Allah SWT. Asmaullah al-Husna yang terdapat di dalam Al-Quran dan sunnah merupakan satu rangka untuk mendidik setiap muslim. Firman Allah:

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا

“Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepadaNya dengan menyebut nama-nama itu.” (Al-A'raf: 180)

Nama-nama Allah yang disifatkan oleh Allah mengenai diriNya di dalam Al-Quran terdapat lebih daripada 150 nama. Di dalam sunnah pula terdapat lebih daripada 160 nama di mana jumlah keseluruhannya ialah 220 nama selepas dibuang nama yang berulang. Nama dan sifat ini boleh dibahagikan kepada:

- i) Sifat yang indah seperti ar-Rahman (Maha Pemurah); ar-Rahim (Maha Penyayang); al-Af'wu (Maha Pemaaf) dan al-Ghafur (Maha Pengampun).
- ii) Sifat keagungan seperti al-Muntaqim (Yang Membalas segala kejahatan); al-Jabbar (Maha Perkasa); as-Syadidul Mihal (Amat keras azab seksanya);
- iii) Sifat kesempurnaan seperti: al-Awwal (Yang Tiada Permulaan); al-Akhir (Yang Tiada Kesudahan); az-Zahir (Yang Zahir); al-Bathin (Yang Batin) dan semua sifat yang telah disebutkan oleh Allah SWT.

Orang mukmin boleh berakhlak dengan sifat yang indah itu dan tidak boleh berakhlak dengan sifat keagungan itu, malahan hanya boleh bergantung denganNya sahaja.

Dia boleh bermaaf-maaafan dan mengawal dirinya ketika marah. Firman Allah:

وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلٰٓى اَلَّا تَعْدِلُوْٓا اَعْدِلُوْٓا هُوَ اَقْرَبُ
لِلتَّقْوٰى

“Dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa.” (Al-Maidah: 8)

FirmanNya lagi:

وَدَّ كَثِيْرٌ مِّنْ اَهْلِ الْكِتٰبِ لَوْ يُرُدُّوْكُمْ مِّنْ بَعْدِ اِيْمٰنِكُمْ
كُفٰرًا حَسَدًا مِّنْ عِنْدِ اَنْفُسِهِمْ مِّنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ الْحَقُّ
فَاعْفُوْا وَاَصْفَحُوْا حَتّٰى يٰٓاْتِيَ اللّٰهُ بِاَمْرٍ ؕ اِنَّ اللّٰهَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيْرٌ ﴿١٩﴾ وَاَقِيْمُوا الصَّلٰوةَ وَاَتُوْا الزَّكٰوةَ وَمَا تُقَدِّمُوْا

لَأَنْفُسِكُمْ مِّنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ



“Banyak di antara Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) suka kalaulah kiranya mereka dapat mengembalikan kamu menjadi kafir setelah kamu beriman, kerana dengki yang timbul dari diri mereka sendiri, sesudah nyata kepada mereka kebenaran (Nabi Muhammad, SAW). Oleh itu, ma'afkanlah dan biarkanlah oleh kamu (akan mereka), sehingga Allah mendatangkan perintahNya. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikan zakat; dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya disisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa Melihat segala yang kamu kerjakan.” (Al-Baqarah” 109-110)

Orang mukmin melihat bahawa seseorang insan itu mempunyai kehormatan, dan bukan hanya sekadar sebahagian daripada entiti alam ini. Firman Allah:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْوُجُوهِ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِّنَ

الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا



Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.” (Al-Israk: 70)

Manusia ialah satu kejadian yang unik di alam ini, kerana merekalah yang memegang amanah dari Allah SWT. Firman Allah:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ
تَحْمِلَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا



“Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah

suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.” (Al-Ahzab: 72)

Orang mukmin akan menganggap bahawa manusia itu ialah penghulu bagi alam ini. Oleh itu mereka melakukan ibadat kepada Allah seperti ibadat seorang penghulu dan bukan ibadat meakhluk-makhluk selain mereka. Firman Allah:

وَسَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِّنْهُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٣﴾

“Dan ia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripadanya; Sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaanNya) bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti.” (Al-Jathiah: 13)

Orang mukmin berkeyakinan bahawa masa, tempat, setiap individu dan keadaan itu mempunyai kehormatan, justeru mereka menghormatinya apabila berurusan dengannya.

Contohnya mereka memuliakan malam lailatul qadar, firman Allah:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾

“Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada malam Lailatul-Qadar.” (Al-Qadr: 1)

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُبْرَكَةٍ

“Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran itu pada malam yang berkat.” (Ad-Dukhan: 3)

Mereka memuliakan Ka'bah. Firman Allah:

إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لَلَّذِي بِبَكَّةَ مُبَارَكًا وَهُدًى لِّلْعَالَمِينَ ﴿١١﴾

“Sesungguhnya Rumah Ibadat yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadat kepada Tuhannya) ialah Baitullah yang di Makkah yang berkat dan (dijadikan) petunjuk hidayah bagi umat manusia.” (Ali Imran: 96)

Rasulullah SAW bersabda:

مَا أَطْيَبَ رِيْحِكَ وَأَطْيَبَ رِيْحِكَ، مَا أَعْظَمَكَ وَأَعْظَمَ حُرْمَتَكَ، وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَحُرْمَةُ الْمُؤْمِنِ أَعْظَمُ عِنْدَ اللَّهِ حُرْمَةً مِنْ مَالِهِ وَدَمِهِ وَأَنْ نَظُنَّ بِهِ إِلَّا خَيْرًا.

Alangkah eloknya engkau dan alangkah harumnya bauengkau; alangkah agungnya engkau dan agungnya kehormatan engkau; Demi Allah, sesungguhnya kehormatan

orang mukmin itu lebih agung di sisi Allah daripada kehormatannya daripada engkau, hartanya dan darahnya; dan jangan menyangka sesuatu mengenainya kecuali yang baik-baik sahaja.⁵

Mereka memuliakan Mushaf Al-Quran. Firman Allah:

لَا يَمَسُّهُ إِلَّا الْمُطَهَّرُونَ

“Yang tidak disentuh melainkan oleh makhluk-makhluk yang diakui bersih suci.” (Al-Waqi’ah: 79)

Mereka meletakkan kedudukan Nabi Muhammad SAW pada kedudukan yang mulia. Firman Allah:

لَا تَجْعَلُوا دُعَاءَ الرَّسُولِ بَيْنَكُمْ كَدُعَاءِ بَعْضِكُمْ بَعْضًا

“Janganlah kamu jadikan seruan atau panggilan Rasulullah di antara kamu seperti seruan atau panggilan sesama kamu.” (An-Nur: 63)

Firman Allah:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ

⁵ (Riwayat Ibn Majah dalam Sunannya 2/1297)

وَلَا تَجْهَرُوا لَهُ بِالْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ لِبَعْضٍ أَن تَحْبَطَ
أَعْمَالُكُمْ وَأَنتُمْ لَا تَشْعُرُونَ ﴿٢﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu menyaringkan suara (dengan lantang) semasa bercakap dengannya sebagaimana setengah kamu menyaringkan suaranya semasa bercakap dengan setengahnya yang lain. (larangan yang demikian) supaya amal-amal kamu tidak hapus pahalanya, sedang kamu tidak menyedarinya.” (Al-Hujurat: 2)

Contoh-contoh yang berinformasi ini sepatutnya menjadi titik tolak untuk kita memperbaiki diri, dan sebagai garis pengukur untuk menerima pemikiran insan dan jangkauannya; dan sebagai permulaan bagi semangat yang baru untuk menerima seruan Allah supaya selaras dengan perkara yang sebenar mengikut situasi yang berbeza-beza.

Melalui contoh yang bermaklumat ini dan kejadian manusia yang Allah telah tentukan dengan mengikut syariat-syariatnya, Islam telah menjadikan akal fikiran dan hati begitu kagum terhadapnya kerana ia merupakan agama Allah, Tuhan pentadbir sekalian alam.

Soalan 4

Adakah kehancuran umat Islam mengakibatkan kehancuran alam ini, dan kenapa?

Jawab

Memang betul, kehancuran umat Islam adalah merupakan kehancuran kepada muka bumi ini, dan

keelokan umat Islam adalah merupakan keelokan kepada muka bumi ini. Ini bukan kerana taksuf dan bukan memihak ke mana-mana, malahan ia adalah untuk menjelaskan hakikat mengenai peranan sebenar manusia yang hidup di muka bumi ini.

Islam adalah sebagai agama terakhir, dan Nabi Muhammad SAW merupakan kesudahan para nabi dan rasul dan umat yang beriman dengan semua para nabi dan rasulnya yang terakhir ialah umat terakhir. Maka Allah meletakkan tanggungjawab berdakwah dan menyebarkan ajarannya kepada semua manusia, tanggungjawab ini menjadi peranan untuk menjana kebaikan dan memakmurkan alam ini. Firman Allah:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ

الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

“Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (Wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.” (Al-Baqarah: 143)

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ .

“Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).” (Ali Imran: 110)

Umat Islam merupakan umat yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah), iaitu umat yang dipertanggungjawabkan memikul tugas melakukan pembaikan iaitu amar makruf (menyuruh kepada kebaikan) dan nahi mungkar (menegah daripada kemungkaran). Apabila umat Islam menjadi rosak

dan meninggalkan apa yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT untuk membaik pulih muka bumi ini nescaya rosaklah bumi ini.

Umat Islam yang terdahulu begitu prihatin mengenai peranan ini. Kita lihat dengan gambaran yang jelas bagaimana Raba'i ibn 'Amir r.a. dalam kalimah yang padat dan mantap ketika ditanya oleh Rustum panglima tentera Parsi, siapakah sebenarnya kamu ini? Dijawab dengan katanya: Kami adalah satu kaum yang diutuskan oleh Allah untuk mengeluarkan manusia daripada menyembah hamba Allah kepada menyembah Allah yang Maha Esa, dari kehidupan dunia yang sempit kepada kehidupan dunia dan akhirat yang luas terbentang, dan dari kezaliman agama-agama lain kepada keadilan Islam.⁶

Ekoran daripada tanggungjawab yang digalas oleh umat Islam dan cahaya hidayah yang dikurniakan oleh Allah kepada mereka, maka Allah mengariskan peranan dan tugas mereka di muka bumi ini iaitu menyelamatkan manusia dari kegelapan syirik kepada cahaya iman dan takwa, memindahkan manusia dari jalan yang sesat kepada jalan yang diredhai oleh Allah SWT. Andainya orang-orang Islam meninggalkan tugas dan peranan mereka di dunia ini, maka umat manusia akan rosak dan hancur, dengan

⁶ Tarikh at-Thobari, 2/401.

hancurnya umat Islam ini, maka akan hancurlah alam ini. Ini kerana bersama mereka terdapat cahaya yang akan menerangi jalan untuk manusia, dan apabila keadaan menjadi gelap dan terpadamnya cahaya yang bersama-sama mereka, maka siapa lagi yang mampu menerangi jalan selepas itu? Akan tetapi Allah tetap menyempurnakan cahayaNya. Firman Allah:

يُرِيدُونَ لِيُطْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَاللَّهُ مُتِمُّ نُورِهِ وَلَوْ كَرِهَ

الْكَافِرُونَ ﴿٨﴾

“Mereka sentiasa berusaha hendak memadamkan cahaya Allah (agama Islam) dengan mulut mereka, sedang Allah tetap menyempurnakan cahayaNya, sekalipun orang-orang kafir tidak suka (akan yang demikian). (As-Shaf: 8)

Soalan 5

Bagaimanakah kedudukan akhlak dalam Islam?

Jawab

Akhlak mempunyai kedudukan yang begitu tinggi dalam Islam. Kedudukan yang tinggi itu diungkapkan oleh junjungan Nabi SAW dalam sabdanya:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

“Sesungguhnya aku diutuskan adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.”⁷

Dalam hadis yang lain:

إِنَّ مِنْ أَحَبِّكُمْ إِلَيَّ وَأَقْرَبَكُمْ مِنِّي مَجْلِسًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَحَاسِنُكُمْ أَخْلَاقًا، وَإِنَّ أَبْغَضَكُمْ إِلَيَّ وَأَبْعَدَكُمْ مِنِّي مَجْلِسًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ

⁷ Riwayat Ahmad dalam Musnadnya 2/382; Malik dalam al-Muattha' 2/904, lafaz Malik (لِأَتَمِّمَ حُسْنَ الْأَخْلَاقِ) 'Li utammima husnal akhlak' dan al-Hakim dalam al-Mustadrak; manakala lafaz (لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ) 'Li utammima makarimal akhlak' diriwayatkan oleh al-Baihaqi dalam Sunan al-Kubra 10/191 dan al-Qadha'i dalam Musnad as-Syihab 2/192.

الثَّرَائِرُونَ وَالْمُتَشَدِّقُونَ وَالْمُتَفَيِّهُونَ، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَدْ
عَلِمْنَا الثَّرَائِرُونَ وَالْمُتَشَدِّقُونَ فَمَا الْمُتَفَيِّهُونَ؟ قَالَ:
الْمُتَكَبِّرُونَ.

“Sesungguhnya orang yang paling aku kasahi dan orang yang paling rapat kedudukannya denganku di hari kiamat kelak ialah orang yang akhlaknya paling baik dari kalangan kamu. Sebaliknya orang yang paling aku benci dan paling jauh kedudukannya denganku di hari kiamat kelak ialah orang yang bercakap bohong (الثَّرَائِرُونَ), orang yang tidak berhati-hati dan tidak memelihara percakapannya (وَالْمُتَشَدِّقُونَ), orang yang banyak bercakap sehingga menyimpang dari kebenaran (وَالْمُتَفَيِّهُونَ) para sahabat mengatakan kepada Rasulullah, kami tahu thartharun dan mutasyaddiqun, tetapi kami tidak tahu mengenai mutafaiyihun, baginda bersabda: orang yang bercakap dengan sombong dan membesarkan diri.⁸

⁸ Riwayat Ahmad dalam Musnadnya 4/193; At-Tirmizi dalam Sunannya 4/370; Ibn Hibban dalam Sohihnya 2/231.

Sabda Rasulullah SAW lagi:

إِنَّ اللَّهَ كَرِيمٌ يُحِبُّ الْكِرْمَ وَيُحِبُّ مَعَالِيَ الْأَخْلَاقِ وَيَكْرَهُ
سُفْسَافَهَا.

“Sesungguhnya Allah SWT Maha Mulia dan sukakan kepada kemuliaan dan sukakan akhlak yang tinggi dan bencikan akhlak yang keji.”⁹

Hadis-hadis di atas dan banyak lagi hadis lain mengenainya menunjukkan begitu tingginya kedudukan akhlak. Hadis pertama memberitahu kita bahawa risalah Nabi SAW tertumpu kepada ‘akhlak yang mulia’. Perkataan (إِنَّمَا) di dalam hadis di atas membawa maksud mencakupi dan merangkumi. Gaya bahasa yang begitu jitu dan mapan itu adalah untuk mengingatkan setiap muslim betapa tingginya kedudukan akhlak disisi Allah SWT. Malahan akhlak yang mulia itu merupakan tuntutan naluri semula jadi yang sempurna. Para ulama dan ahli pemikir cerdas pandai telah sepakat bahawa bersifat benar, menunaikan amanah, pemurah, sabar, berani dan menegakkan perkara kebaikan itu merupakan akhlak yang mulia, di mana pelakunya berhak mendapat pujian dan sanjungan, sedangkan bersifat

⁹ Riwayat al-Baihaqi dalam Sya’bul Iman 6/241.

bohong, penipu, pengecut, bakhil merupakan akhlak yang keji dan dihina pelakunya.

Seorang Islam yang berakhlak ialah yang terhimpun padanya akhlak yang mulia, dan menjauhi daripada akhlak yang buruk. Rasulullah SAW telah memberikan panduan kepada kita tentang akhlak yang terbaik dalam sebuah hadis yang diungkapkan oleh salah seorang sahabatnya iaitu Uqbah ibn 'Amir di mana baginda bersabda:

يَا عُقْبَةُ، أَلَا أُخْبِرُكَ بِأَفْضَلِ أَخْلَاقِ أَهْلِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ؟ تَصِلُ
مَنْ قَطَعَكَ، وَتَعْفُو مَنْ ظَلَمَكَ، وَتُعْطَى مَنْ حَرَمَكَ.

“Wahai Uqbah, mahukah aku beritahu kamu mengenai akhlak yang paling mulia untuk penduduk dunia dan akhirat? Iaitu engkau hubungkan silaturrahim yang telah terputus, engkau maafkan orang yang membuat aniaya. dan engkau berikan sesuatu kepada orang yang tidak mahu memberi.”¹⁰

Tanda-tanda orang yang berakhlak itu terhimpun dalam beberapa ciri, iaitu malu kerana Allah, suka membuat kebaikan, bercakap benar, kurang bercakap, banyak beramal, meninggalkan perkara yang tidak ada kaitan

¹⁰ Riwayat Ahmad dalam Musnadnya 3/438; al-Hakim dalam al-Mustadrak 4/178; at-Tabarani dalam al-Aushat 5/364 dan al-Kabir 17/279; al-Baihaqi dan Sunan al-Kubra 10/235.

dengannya, berbakti kepada kedua ibu bapa, merapatkan silaturrahim, penyabar, banyak bersyukur, berlemah lembut, dan menahan diri dari melakukan maksiat. Akhlak yang mulia itu asasnya ialah tunduk patuh kepada Allah dan bercita-cita tinggi.

Berakhlak mulia memberikan kesan yang besar kepada sesebuah masyarakat yang inginkan kemajuan dan pencapaian yang tinggi, apabila akhlak yang mulia dihayati dalam sesebuah masyarakat ia akan membawa kemajuan dan kejayaan, malahan asas sesuatu tamadun yang hakiki ialah ketamadunan manusia dan ketinggian akhlaknya. Ahmad Syauqi mengungkapkan dalam syairnya:

إِنَّمَا الْأُمَّمُ الْأَخْلَاقُ مَا بَقِيَتْ * فَإِنْ هُمْ ذَهَبَتْ أَخْلَاقُهُمْ ذَهَبُوا

“Sesungguhnya sesuatu umat itu bergantung kepada akhlak mereka, apabila hilang akhlaknya maka akan lenyaplah umat tersebut.”

Justeru akhlak yang mulia merupakan cetusan hati yang suci, jiwa yang hening, akidah yang murni, pemikiran yang rasional, jiwa dan iman yang mantap. Ciri-ciri tersebut akan mencetuskan satu akhlak yang mulia. Manakala akhlak yang rosak terjadi apabila berlaku kecacatan pada sebahagian atau keseluruhan daripada ciri-ciri tersebut. Semoga Allah menyelamatkan kita dan umat Islam seluruhnya daripada kerosakan akhlak.

Soalan 6

Adakah ungkapan: Berbahagialah orang yang sibuk melihat keaiban dirinya sendiri dari melihat keaiban orang lain itu hadis Nabi? Dan ungkapan yang bermaksud: Seseorang itu akan nampak kekotoran yang ada di mata kawannya sedangkan dia tidak nampak apa yang ada di matanya, hadis Nabi juga? Jika kedua-duanya hadis Nabi, bagaimana jika kita ingin menyelaraskan pengajaran dari kedu-dua hadis tersebut?

Jawab

Ungkapan: Berbahagialah orang yang sibuk melihat keaiban dirinya sendiri dari melihat keaiban orang lain, merupakan sebahagian daripada hadis marfu' yang diriwayatkan oleh at-Thabrani dalam Mu'jam al-Kabir 5/71; al-Baihaqi dalam Sya'nul Iman 7/355; al-Qaidha'ie dalam Musnad as-Syihab 1/357; ad-Dailami al-Hamdani dalam al-Firdaus bi Ma'thur al-Khitab 2/447; al-Haithami dalam Majma' az-Zawaid 10/229.

Hadis tersebut ialah hadis daripada Anas ibn Malik katanya:

خَطَبَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى نَاقَتِهِ الْعَضْبَاءِ
وَلَيْسَتْ بِالْجَدَعَاءِ فَقَالَ: يَا أَيُّهَا النَّاسُ كَأَنَّ الْمَوْتَ فِيهَا عَلَيَّ
غَيْرِنَا كَتَبَ، وَكَأَنَّ الْحَقَّ فِيهَا عَلَيَّ غَيْرِنَا وَجَبَ، وَكَأَنَّ مَنْ
نُشِيعُ مِنَ الْمَوْتَى سَفَرَ عَمَّا قَلِيلٌ إِلَيْنَا رَاجِعُونَ، نَبُوْنُهُمْ أَجْدَانَهُمْ
وَنَأْكُلُ ثُرَاتَهُمْ كَأَنَّا مُخَلَّدُونَ بَعْدَهُمْ، قَدْ نَسِيتُمْ كُلَّ وَأَعِظَةٍ،
وَأَمَنْتُمْ كُلَّ حَائِجَةٍ، طُوبَى لِمَنْ شَغَلَهُ عَيْبُهُ عَنِ عَيْبِ أَخِيهِ ...

Rasulullah SAW telah memberi ucapan kepada kami di atas unta baginda yang digelar Ghodhba' bukan unta yang satu lagi digelar al-Jad'a', lalu baginda bersabda: Wahai manusia seolah-olahnya kematian itu hanya ditulis kepada orang lain, seolah-olahnya kebenaran itu diwajibkan ke atas orang lain, seolah-olahnya mereka yang mengiringi orang yang telah berjalan dalam masa yang singkat untuk kembali kepada kami. Kita telah sediakan kepada mereka kubur-kubur mereka dan telah memakan harta pusaka mereka seolah-olah kita hidup kekal selepas mereka mati. Kamu telah lupa segala nasihat dan kamu telah bebas dari segala musibah. Berbahagialah orang yang sibuk melihat keaiban sendiri dari melihat keaiban orang lain.

Abu Bakar al-Haithami dalam kitab *Majma' az-Zawaid* menambah dengan katanya: Hadis di atas diriwayatkan oleh at-Tabarani melalui Nashih al-'Absi daripada Rakb, beliau sebenarnya tidak diketahui latar belakangnya, manakala baki perawinya adalah thiqat (ثِقَاتٌ) boleh dipercayai.

Manakala al-'Ajajuni dalam kitab *Kasyful Khafa' 2/59* membuat komentar: Hadis di atas diriwayatkan oleh ad-Dailami daripada Anas sebagai hadis marfu'. An-Najm pula mengatakan: Hujung hadis tersebut ialah, maksudnya: di mana kesimpulannya: Al-Fadhil (الْفَضْلُ) membelanjakan daripada wang ringgitnya dan melalui rezeki yang dimilikinya mengikut sunnah dan tidak bertukar menjadi bid'ah.

Dalam bab ini, diriwayatkan juga daripada al-Hasan ibn Ali dan Abu Hurairah. Dalam kitab *at-Tamyiz* pula dia mengatakan hadis ini diriwayatkan oleh Al-Bazzar daripada Anas sebagai hadis marfu' dengan sanad yang hasan.

Al-Hafiz az-Zahabi dalam kitab *Sairu A'lamin Nubala' 13/557* beliau membuat komentar: Hadis ini sanadnya lemah. An-Nadr mengatakan bahawa Abu Khatim itu tidak dikenali dan al-Walid juga tidak diketahui, maka matan ini tidak mempunyai sanad yang sempurna.

Daripada perbincangan ini dapat diketahui bahawa ulama hadis berselisih pendapat mengenai pensabitan hadis di atas kepada Nabi SAW. Ada yang mengatakan hadis ini sohih, ada pula yang mendakwa hadis ini hadis dhaif.

Mengenai dengan hadis dhaif, ahli hadis sepakat ianya boleh dipakai dalam soal (فَضَائِلُ الْأَعْمَالِ) kelebihan beramal dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh ulama hadis. Hadis ini jelas mendorong kepada fadail a'mal dan akhlak yang mulia. Hadis ini disepakati oleh para ulama dari segi maknanya kerana selari dengan akhlak yang mulia dan zuhud, hanya yang dipertikaikan mengenai kebenaran hadis ini daripada Nabi SAW sahaja.

Adapun hadis:

يُصِرُّ أَحَدُكُمْ الْقُدَاةَ فِي عَيْنِ أَخِيهِ وَيَنْسَى الْجَذَعَ فِي عَيْنِهِ.

“Berbahagialah orang yang sibuk melihat keaiban dirinya sendiri dari melihat keaiban orang lain.”¹¹

Hadis ini telah diriwayatkan oleh Abu Na'im al-Asbihani dalam [Hulliyah al-Auliya' 4/99] menyebutkan: Hadis ini ialah hadis gharib yang diriwayatkan daripada Yazid Muhammad bin Humair daripda Ja'far hanya seorang sahaja yang meriwayatkannya. Walau bagaimanapun hadis ini diakui sahih oleh Ibn Hibban.

¹¹ Hadis ini diriwayatkan oleh Ibn Hibban dalam kitab [sohohnya 13/73]; al-Baihaqi dalam kitab [Su'abul Iman 5/311]; Imam al-Bukhari pada dua tempat [al-Adab al-Mufradah sekali dengan lafaz 'yubshiru' 1/207, dan sekali dengan lafaz 'yara' 1/305]; al-Munziri dalam kitab [at-Tarhib wat Tarhib 3/168].

Hadis ini tidak disepakati oleh ulama hadis tentang sahih dan dhaifnya. Walau bagaimanapun ia boleh digunakan dalam soal fadail a'mal (kelebihan beramal). Tidak diragui maknanya betul dan selari dengan asas syarak dan kelebihan akhlak yang mulia, maka maknanya disepakati oleh umat Islam keseluruhannya.

Dalam kandungan dua hadis di atas, Nabi SAW telah meletakkan satu kaedah atau manhaj untuk memperbaiki keadaan masyarakat, untuk memastikan adakah dia benar-benar ingin kebaikan dalam masyarakat untuk membuktikan kebenaran keinginannya melakukan kebaikan atau hanya ingin mendapatkan pengaruh dan mempengaruhi orang lain tanpa dia sedari. Maka apabila dia hanya ingin menonjolkan kelemahan atau keaiban orang lain dan mengabaikan kelemahan dan keaiban dirinya sendiri, maka hendaklah ia melakukan muhasabah kepada dirinya sendiri dan berusaha memperbaiki dirinya. Jika sudah baik dirinya, maka mulakanlah yang hampir dahulu seperti anak isteri dan kaum kerabat. Sesiapa yang bercanggah dengan kaedah ini, maka benarlah ungkapan Imam as-Syafi'i ini:

Wahai orang yang mengajar orang lain, hendaklah engkau perhatikan pengajaran yang ada pada dirimu.

Engkau menyenaraikan ubat kepada orang yang sedang menghadapi kesakitan, supaya ia sembuh sedangkan kamu sendiri yang sedang sakit.

Jangan engkau melarang seseorang berbuat akhlak yang baik yang engkau sendiri melakukannya, andainya engkau melakukan sedemikian perbuatan itu amat memalukan sekali.

Mulakan daripada dirimu dahulu dan jauhkan diri dari yang buruk, jika engkau jauhkannya maka engkau memanglah orang yang bijaksana.

Ketika itu orang akan menerima apa yang engkau katakan dan mengikut nasihatmu, ketika itu barulah pengajaran yang engkau berikan itu bermanfaat kepadanya.

Ini semua akan memantapkan lagi nilai keutamaan yang perlu dilakukan untuk memperbaiki masyarakat. Justeru, setiap insan mestilah memulakannya daripada dirinya sendiri dahulu jika sekiranya ia benar-benar inginankan kebaikan. Jika sekiranya dirinya sudah baik, maka perbaikilah orang yang hampir dengannya dahulu dan kaum kerabatnya sehingga berubahlah keadaan masyarakat Islam. Marilah kita sama-sama berdoa semoga Allah memberikan kekuatan kepada kita untuk memperbaiki diri sendiri, keluarga dan kaum kerabat serta zuriat keturunan kita, amin.

Soalan 7

Adakah ungkapan “Al-Isnad minaddin” itu hadis Nabi? dan apakah yang dimaksudkannya?

Jawab

Ungkapan ‘al-isnad minaddin’ bukanlah hadis Nabi SAW dan tidak diriwayatkan walaupun sebagai hadis dhaif dan seumpamanya. Ia merupakan ungkapan yang dikaitkan dengan Abdullah ibn Mubarak, beliau mengatakan:

الإِسْنَادُ مِنَ الدِّينِ، وَلَوْ لَا الإِسْنَادَ لَقَالَ مَنْ شَاءَ مَا شَاءَ.

“Sanad itu sebahagian daripada agama, jika tiada sanad nescaya akan berkatalah seseorang itu sesuka hati dia sendiri.”

Beliau telah berkata pada awalnya:

بَيْنَنَا وَبَيْنَ الْقَوْمِ الْقَوَائِمِ.

“Antara kami dan antara satu kaum itu ada tiang pengukur.”

laitu al-isnad, mungkin ungkapan yang seterusnya ialah: "Jika sekiranya tidak ada isnad, nescaya orang akan mengatakan apa sahaja yang ia suka." Menjelaskan lagi maksud yang diingini, ini bermakna bahawa berpegang teguh dan kepercayaan yang mantap itu merupakan metodologi yang dipraktikkan dalam menyampaikan agama sehingga agama itu tidak diputarbelit di antara khurafat dan keraguan.

Sebenarnya, persoalan isnad ini memberi gambaran kepada salah satu daripada perkara penting yang ada di dalam fikiran seseorang muslim, di mana ia mengarah kepada kepercayaan yang mantap. Keyakinan yang mantap kepada sumber rujukan merupakan ciri khusus umat Islam. Umat Islam yakin dan percaya dengan kitab yang diturunkan oleh Tuhannya dan mengambil berat tentang kepercayaan menyampaikan kitab ini dari satu generasi ke satu generasi dalam bentuk yang paling teliti dan meyakinkan sehinggakan cara penyampaian itu diambil berat dalam bentuk yang paling tepat dari segi sebutan perkataannya, suara, panjang pendeknya, nipis dan tebalnya sebutan yang tidak dapat ditandingi oleh mana-mana umat bukan Islam.

Dari segi hadis nabi pula, sanad atau periwayat hadis itu merupakan kaedah yang paling penting yang dipelihara oleh Allah SWT untuk memastikan kesahihan hadis bagi mengelakkan berlakunya hadis maudu', rekaan dan pembohongan. Sebagaimana ianya menjadi kayu ukur untuk menentukan riwayat, menilai berita yang disampaikan untuk

mengetahui kesahihan dengan kepalsuan, kuat atau lemahnya sesuatu hadis tersebut.

Di zaman kita ini, sanad bukan lagi dianggap sebagai sesuatu yang penting untuk memelihara sesuatu hadis, ia tidak lebih dari sekadar mengambil berkat dan untuk mengetahui sejarah hadis. Ini kerana pendekatan lain telah digunakan selain daripada peranannya yang asasi sebelum berakhirnya zaman riwayat.

Inilah penjelasan mengenai apa yang diungkapkan oleh Ibn Mubarak bahawa Isnad itu daripada agama. Kita berdoa kepada Allah semoga memelihara kita, agama kita dan iman kita, segala puji bagi Allah, Tuhan pentadbir sekalian alam.

Soalan 8

Apakah kedudukan ungkapan: Jangan engkau lakukan sesuatu perkara di dalam ajaran agama Islam?

Jawab

Kedudukan ungkapan: “Jangan engkau lakukan sesuatu perkara di dalam ajaran agama Islam” merupakan suatu bentuk

larangan. Manakala ungkapan “Hendaklah engkau lakukan” merupakan satu bentuk perintah. Larangan ini bilangannya amatlah sedikit sekali yang mudah bagi manusia menjauhinya. Ujian larangan Allah kepada manusia pertama kali yang berlaku dalam sejarah ialah larangan memakan buah larangan kepada Nabi Adam a.s. dan Hawa. Melanggar larangan dengan memakan buah larangan itu merupakan maksiat pertama yang dilakukan oleh Nabi Adam dan Hawa. Kisah pelanggaran larangan ini adalah sebagaimana firman Allah:

وَيَتَّعَادُمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ فَكُلَا مِنْ حَيْثُ شِئْتُمَا

وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ الشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٢٠﴾ فَوَسَّوَسَ لَهُمَا
 الشَّيْطَانُ لِيُبْدِيَ لَهُمَا مَا وُورِيَ عَنْهُمَا مِنْ سَوْءَاتِهِمَا وَقَالَ مَا
 نَهَاكُمَا رَبُّكُمَا عَنْ هَذِهِ الشَّجَرَةِ إِلَّا أَنْ تَكُونَا مَلَكَتَيْنِ أَوْ تَكُونَا مِنَ
 الْخَالِدِينَ ﴿٢١﴾ وَقَاسَمَهُمَا إِنِّي لَكُمَا لَمِنَ النَّاصِحِينَ ﴿٢٢﴾
 فَدَلَّهُمَا بَعْرُورٍ ۚ فَلَمَّا ذَاقَا الشَّجَرَةَ بَدَتْ لَهُمَا سَوْءَاتُهُمَا وَطَفِقَا
 مَخَصِفَانٍ عَلَيْهِمَا مِنْ وَرَقِ الْجَنَّةِ ۗ وَنَادَاهُمَا رَبُّهُمَا أَلَمْ أَنْهَكُمَا عَنْ
 تِلْكَمَا الشَّجَرَةِ وَأَقُلَّ لَكُمَا إِنَّ الشَّيْطَانَ لَكُمَا عَدُوٌّ مُبِينٌ ﴿٢٣﴾

"Dan Wahai Adam! Tinggallah engkau dan isterimu di dalam syurga serta makanlah dari makanannya sepuas-puasnya apa sahaja kamu berdua sukai, dan janganlah kamu hampir pokok ini, (jika kamu menghampirinya) maka akan menjadilah kamu dari orang-orang yang zalim".

Setelah itu maka syaitan membisikkan (hasutan) kepada mereka berdua supaya (dapatlah) ia menampakkan kepada mereka akan aurat mereka yang (sekian lama) tertutup dari (pandangan) mereka, sambil ia berkata: "Tidaklah Tuhan kamu melarang kamu daripada (menghampiri) pokok ini, melainkan (kerana ia tidak suka) kamu berdua menjadi

malaikat atau menjadi dari orang-orang yang kekal (selama-lamanya di dalam syurga)".

"Dan ia bersumpah kepada keduanya (dengan berkata): "Sesungguhnya aku adalah dari mereka yang memberi nasihat kepada kamu berdua".

" Dengan sebab itu dapatlah ia menjatuhkan mereka berdua (ke dalam larangan) dengan tipu dayanya. Setelah mereka memakan (buah) pohon itu, terdedahlah kepada mereka berdua aurat masing-masing, dan mereka mulailah menutupnya dengan daun-daun (dari) Syurga, serta Tuhan mereka menyeru mereka: "Bukankah Aku telah melarang kamu berdua dari pokok itu, dan Aku katakan kepada kamu, bahawa syaitan itu adalah musuh kamu yang nyata?" (Al-A'raf: 19-22)

Dari kisah ini jelas kepada kita sejauh mana rahmat Allah kepada Nabi Adam a.s. kerana Allah hanya mengharamkan sejenis pokok buah sahaja, sedangkan berbagai jenis pokok buah yang lain di dalam syurga adalah diharuskan. Maksud kisah tersebut menunjukkan bahawa Allah begitu sayang kepada zuriat keturunan Nabi Adam a.s. di mana perkara yang diharamkan kepada mereka itu hanya sedikit sahaja sehingga membolehkan mereka mematuhi hukum-hukum syara'nya dan mengharuskan mereka apa juga makanan yang baik lagi halal yang ada di muka bumi ini. Firman Allah:

يَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوتَ

الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾

“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.” (Al-Baqarah: 168)

Alam ini adalah hidangan dari Allah yang bersifat Maha Pemurah yang dijadikan oleh Allah untuk kepentingan manusia. Manusia dijadikan untuk mengabdikan diri kepada Allah sahaja. Justeru, dipermudahkan ke atas manusia untuk melaksanakan ibadat kepada Allah dengan menetapkan tegahan dan larangan yang sedikit sebagaimana diwajibkan oleh Allah SWT untuk menjauhinya dengan jaminan diberikan keampunan sekiranya bertaubat selapas melakukan kesalahan tersebut. Kewajipan menjauhi larangan Allah kepada setiap muslim ini diperkukuhkan lagi dalam sabda Rasulullah SAW:

ذُرُونِي مَا تَرَكَتُكُمْ، فَإِنَّمَا هَلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ بِكَثْرَةِ سُؤَالِهِمْ
وَإِخْتِلَافِ أَنْبِيَائِهِمْ، فَإِذَا أَمَرْتُكُمْ بِشَيْءٍ فَأْتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ،
وَإِذَا نَهَيْتُكُمْ عَنْ شَيْءٍ فَدَعَوْهُ.

“Ambillah apa yang telah aku tinggalkan kepada kamu. Sesungguhnya umat yang terdahulu dibinasakan oleh Allah kerana terlalu banyak bertanya dan mengingkari suruhan para nabi mereka, maka jika aku perintahkan kepada kamu sesuatu perkara, maka hendaklah kamu lakukannya sedaya

yang mungkin, dan sekiranya aku tegah kamu daripada melakukannya, maka hendaklah kamu tinggalkannya.”¹²

Inilah kedudukan ungkapan “jangan lakukan” dalam agama Islam, semoga Allah memberikan petunjuk dan hidayahnya kepada mereka yang mentaati perintahNya dan menjauhi segala laranganNya, amin.

¹² Riwayat Ahmad dalam Musnadnya, hal. 428: Al-Bukhari dan Sohihnya, 6/3658; dan Muslim dalam Sohihnya, 2/975.

Soalan 9

Bagaimanakah caranya menolak dakwaan bahawa Islam menzalimi kaum wanita dalam isu pewarisan mewarisi harta pusaka?

Jawab

Ramai kalangan orang yang berkata bahawa agama Islam menzalimi kaum wanita, kerana memberikan bahagian mereka dalam harta pusaka separuh daripada bahagian kaum lelaki.

Kita sebagai orang Islam beriman sepenuhnya dengan sifat-sifat Allah SWT yang sedikit pun tidak timbul sebarang keraguan di dalam hati setiap muslim dan muslimah. Keyakinan itu terukir kerana Allah itu bersifat Maha Penghukum dan Maha Adil dan keadilanNya adalah mutlak, tidak ada dalam syariat Allah itu sesuatu kezaliman terhadap insan atau sesiapa sahaja dari kalangan makhlukNya. Firman Allah:

وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا

“Dan (ingatlah) Tuhanmu tidak berlaku zalim kepada seseorang pun.” (Al-Kahfi: 49)

وَلَا يُظْلَمُونَ فَتِيلًا

“Dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasan mereka) sedikitpun.” (An-Nisa’: 49)

وَأَنَّ اللَّهَ لَيْسَ بِظَلَمٍ لِلْعَبِيدِ

“Kerana sesungguhnya Allah tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hambaNya”. (Al-Haj: 10)

وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُظْلِمَهُمْ وَلَكِنْ كَانُوا أَنْفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ .

“Dan (ingatlah) Allah tidak sekali-kali menganiaya mereka, akan tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri.” (Al-Ankabut: 40)

إِنَّ اللَّهَ لَا يَظْلِمُ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ^ط

“Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiaya (seseorang) sekalipun seberat zarah (debu).” (An-Nisa’: 40)

وَلَا يُظْلَمُونَ نَقِيرًا

“Dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasannya) sedikitpun.” (An-Nisa’: 124)

فَمَا كَانَ اللَّهُ لِيَظْلِمَهُمْ وَلَكِنْ كَانُوا أَنْفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ

“Maka Allah tidak sekali-kali menganiaya mereka tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri.” (At-Taubah: 70)

Perbezaan dari segi bahagian pewaris adalah merupakan asas persoalan pewarisan dalam fiqah Islam. Bahagian-bahagian ini tidak ada bezanya berdasarkan jantina, tetapi perbezaan bahagian pewarisan itu adalah berdasarkan kepada tiga garis panduan:

Pertama

Susunan kerabat antara pewaris dan orang-orang yang diwarisi sama ada lelaki atau perempuan. Apakala hubungan itu semakin dekat maka bertambahlah bahagian pewarisan. Apabila hubungan itu pula semakin jauh maka kuranglah bahagian pewarisan tersebut tanpa mengira jantina pewaris. Contohnya, seorang anak perempuan mewarisi separuh peninggalan ibunya (walhal ia perempuan), dalam masa yang sama bapanya pula mewarisi satu perempat daripada harta peninggalan itu (walhal ia lelaki). Yang demikian ialah kerana anak perempuan itu lebih dekat daripada suami si mati, oleh itu bertambahlah harta pewarisan berdasarkan sebab tersebut.

Kedua

Kedudukan generasi pewaris. Generasi yang akan menghadapi cabaran hidup yang mendatang dan yang akan membuat persediaan untuk memikul tanggungjawab kebiasaannya mendapat bahagian yang lebih banyak daripada generasi yang ringan tanggungjawabnya, malah kebiasaannya beban dan tanggungjawab itu dipikulkan kepada orang lain, tanpa mengira sama ada lelaki atau perempuan pewaris tersebut. Anak perempuan si mati mewarisi lebih banyak daripada ibu si mati (kedua-duanya adalah perempuan) dan anak perempuan si mati juga mewarisi lebih banyak daripada bapa si mati ketika bersama beliau mempunyai adik beradik lelaki.

Ketiga

Beban kewangan. Ini merupakan kayu ukur tunggal yang menyebabkan perbezaan pembahagian antara lelaki dan perempuan, tetapi perbezaan ini tidak membawa kepada kezaliman terhadap perempuan atau mengurangkan bahagiannya, malahan berlaku sebaliknya, itulah yang betul.

Dalam keadaan apabila sama kedudukan para waris di dalam dua garis panduan yang pertama (susunan kerabat dan kedudukan generasi); contohnya, anak-anak si mati itu lelaki dan perempuan, adalah perbezaan dari segi bebanan tanggungjawab kewangan, itulah yang menjadi sebab perbezaan bahagian harta pusaka. Justeru itu, Al-Quran

tidak menyamaratakan perbezaan antara lelaki dan perempuan dari segi pewarisan secara umum, tetapi dijelaskan dalam bab ini secara khusus. Hikmat perbezaan ini ialah kerana kaum lelaki itu ditugaskan untuk memberi nafkah kepada kaum perempuan (isterinya) bersama anak-anaknya, sedangkan adik beradik perempuan bagi lelaki tersebut apabila berkahwin, dia dan anak-anaknya ditanggung oleh lelaki yang mengahwininya.

Kaum wanita sebenarnya mendapat bahagian lebih istimewa daripada adik beradik lelaki dari segi pewarisan harta, sekalipun kurang bahagiannya berbanding adik beradik lelaki yang mewarisi sekali ganda lebih banyak daripadanya. Pewarisan yang diterima oleh kaum wanita adalah menjadi milik peribadi sepenuhnya sebagai harta yang bersih dan boleh dilaburkan, kerana kaum wanita tidak wajib memberikan nafkah, malahan si suami yang wajib memberikan nafkah kepada isteri dan anak-anak. Maka, harta warisan itu adalah bagi menjamin kehidupannya dalam menghadapi sebarang kemungkinan yang boleh berlaku ke atas dirinya. Begitulah hikmah Allah yang tidak dapat dilihat oleh kebanyakan orang.

Antara beban kewangan yang ditanggung oleh kaum lelaki sebagai suami, ialah:

1. Kaum lelaki menanggung beban kewangan pada awal permulaan hidup berumahtangga dan ikatannya

dengan isterinya. Suami perlu mengeluarkan maskahwin. Firman Allah:

وَأَتُوا النِّسَاءَ صَدُقَاتِهِنَّ مِحْلًا

“Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu maskahwin-maskahwin mereka sebagai pemberian yang wajib.” (An-Nisa’: 4)

Maskahwin merupakan suatu kewajipan kewangan yang perlu ditunaikan oleh kaum lelaki sebagai suami kepada isterinya sebagai suatu ketetapan syara’ pada awal kehidupan berumahtangga. Kaum wanita pula berbeza dengan kaum lelaki yang tidak perlu mengeluarkan maskahwin sekiranya ingin berkahwin dengan seorang lelaki.

2. Seorang lelaki setelah berkahwin wajib memberikan nafkah sara hidup kepada isterinya sekalipun si isteri memiliki harta lebih dari apa yang dimiliki oleh suaminya. Si suami tidak boleh meminta isteri mengeluarkan belanja sara hidup untuk dirinya sendiri, apa lagi meminta mengeluarkan sara hidup untuk suami. Ini kerana Islam memberikan keistimewaan kepadanya dan memelihara hartanya serta tidak mewajibkan si isteri mengeluarkan belanja sara hidup daripada hartanya.

3. Kaum lelaki juga bertanggungjawab ke atas kaum kerabat dan mereka yang wajib diberikan perbelanjaan sara hidup seperti kedua orang tuanya. Kaum lelaki memikul beban dan tanggungjawab kekeluargaan dan keperluan bermasyarakat di mana harta pusaka yang diterimanya itu merupakan sumber kewangan yang digunakan untuk menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi dalam hidupnya.

Justeru, faktor-faktor di atas dan lainnya memerlukan kita melihat kepada harta atau kekayaan itu dengan pandangan yang lebih objektif, iaitu kekayaan dan harta benda atau pemilikan merupakan suatu pemahaman yang lebih umum daripada pendapatan. Pendapatan ialah harta yang boleh membawa kepada kekayaan dan bukanlah ia sebagai kekayaan, dan kekayaan pula ialah hasil pendapatan yang berlebihan daripada keperluan dan perbelanjaan.

Dengan penilaian ini, kita dapati bahawa Islam memberikan kepada kaum wanita dalam setengah keadaan separuh daripada bahagian lelaki dalam pendapatan yang diperolehi dan memberikan jaminan supaya ianya disimpan tanpa ada sebab yang boleh mengurangkannya selain daripada hak Allah seperti zakat. Sedangkan kaum lelaki diberikan oleh Allah pendapatan yang lebih besar, tetapi dituntut daripadanya supaya menyara isteri, anak-anak dan kedua ibu bapanya sekiranya telah tua dan uzur, seterusnya

memberi nafkah kepada kaum kerabat, orang gaji dan apa yang terdapat pada masa kini seperti sewaan-sewaan, bil-bil perkhidmatan yang berbagai-bagai yang menyebabkan kita berkeyakinan bahawa Allah telah melebihkan kaum wanita ke atas kaum lelaki dari segi harta kekayaan, di mana dia berhak menyimpan sendiri hartanya dan tidak dibebankan dengan apa juga bentuk perbelanjaan ke atasnya.

Justeru itu, ketika berbeza masalah beban kewangan sebagaimana sekarang ini dalam masalah warisan adik beradik sebelah ibu, kita dapati bahawa syarak telah menyamakan pembahagian antara lelaki dengan perempuan dari segi pewarisan. Firman Allah:

وَإِنْ كَانَ رَجُلٌ يُورَثُ كَلِيلَةً أَوْ امْرَأَةً وَوَلَهُ أَخٌ أَوْ أُخْتُ فَلِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ^٤ فَإِنْ كَانُوا أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءُ فِي الثُّلُثِ^٥ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَىٰ بِهَا أَوْ دَيْنٍ غَيْرِ مُضَارٍّ^٦ وَصِيَّةً مِّنَ اللَّهِ^٧.

“Dan jika si mati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu) maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah satu perenam. Kalau pula mereka (saudara-

saudara yang seibu itu) lebih dari seorang, maka mereka bersekutu pada satu pertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya; wasiat-wasiat yang tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudarat (kepada waris-waris).” (An-Nisa’: 12)

Sama rata antara lelaki dan perempuan di sini adalah dari segi pewarisan, kerana asas pewarisan mereka di sini adalah kerana hubungan keluarga, bukan kerana asobah kepada yang diwarisi sehingga lelaki mendapat lebih daripada perempuan, tidak terdapat dalam masalah ini tanggungjawab atau bebanan yang perlu dipikulnya.

Dengan membuat kajian dan pemerhatian mengenai persoalan warisan ini, setengah ulama dan penyelidik telah menyingkap satu hakikat yang mengejutkan banyak pihak, di mana penemuan mereka adalah:

1. Hanya terdapat empat keadaan di mana perempuan itu mendapat separuh daripada bahagian lelaki.
2. Banyak keadaan yang bahagian perempuan adalah sama banyak, serupa dengan bahagian lelaki.
3. Terlalu banyak keadaan di mana perempuan itu mendapat lebih banyak bahagian daripada lelaki.

4. Terdapat keadaan yang perempuan mendapat bahagian harta pusaka sedangkan lelaki tidak mendapat bahagian langsung.

Pertama

Keadaan yang perempuan mendapat separuh daripada bahagian lelaki:

- 1) Anak perempuan bersama anak lelaki; dan cucu perempuan daripada anak lelaki yang bersamanya cucu lelaki daripada anak lelaki.
- 2) Bapa dan ibu yang tidak mempunyai anak lelaki; dan tidak ada bersama mereka suami atau isteri.
- 3) Adik beradik perempuan seibu sebapa yang bersamanya adik beradik mereka yang lelaki.
- 4) Adik beradik perempuan sebapa bersama adik beradik mereka yang lelaki.

Kedua

Keadaan yang perempuan mewarisi sama banyak seperti lelaki

- 1) Bapa dan ibu semasa ada bersama mereka anak lelaki.
- 2) Saudara lelaki dan saudara perempuan seibu.
- 3) Saudara-saudara perempuan yang ada bersamanya saudara lelaki dan saudara-saudara perempuan seibu.
- 4) Anak perempuan yang ada bersamanya bapa saudara sebelah bapa; atau asobah yang paling hampir sebelah bapa (serta tidak ada yang menghijab).
- 5) Bapa yang ada bersamanya ibu kepada emak dan anak lelaki (cucu) kepada anak lelaki.
- 6) Suami dan ibu dan dua saudara perempuan seibu dan saudara lelaki seibu sebapa berdasarkan penetapan yang dilakukan oleh saidina Umar r.a. bahawa dua saudara perempuan seibu dan saudara lelaki seibu sebapa berkongsi 1/3 bahagian.
- 7) Lelaki dan perempuan yang bersendirian sebagai pewaris tunggal. Anak lelaki yang tunggal itu mewarisi semua harta pusaka sebagai asobah. Anak perempuan yang tunggal pula akan mewarisi satu perdua seperti yang difardukan ke atasnya dan yang

baki pula dikembalikan kepadanya mengikut masalah radd (di dalam mazhab Imam Hanafi dan Hambali). Demikian juga sekiranya si mati meninggalkan bapa sahaja tanpa pewaris lain, maka beliau mendapat asobah, sekiranya beliau meninggalkan ibu sahaja tanpa pewaris lain, maka beliau mendapat satu pertiga dan yang bakinya pula dikembalikan kepada ibu tersebut mengikut masalah radd (di dalam mazhab Imam Hanafi dan hanbali).

- 8) Suami yang bersamanya saudara perempuan seibu sebapa, maka saudara perempuan itu akan mendapat bahagian seperti bahagian orang lelaki. Sekiranya seorang perempuan meninggalkan suami dan adik beradik lelaki seibu sebapa, suami mendapat satu perdua dan adik beradik lelaki mendapat asobah; sekiranya si mati meninggalkan suami dan adik beradik perempuan, suami mendapat satu perdua dan adik beradik perempuan mendapat satu perdua juga.
- 9) Saudara perempuan seibu yang bersamanya saudara lelaki seibu sebapa, masalah ini jika seorang perempuan itu meninggalkan suami, ibu, saudara seibu dan saudara seibu sebapa, maka suami mendapat satu perdua, ibu mendapat satu perenam, saudara perempuan seibu mendapat satu perenam,

dan bakinya ialah untuk saudara lelaki seibu sebapa yang asobah iaitu satu perenam.

- 10) Zawil arham di dalam mazhab yang mengambil kira mereka sebagai yang mendapat harta pusaka, seperti di dalam undang-undang negara Mesir, sekiranya di sana tidak ada mereka yang mewarisi dan tidak ada yang menghabisi (asobah) pembahagian harta pusaka adalah sama rata, seperti si mati meninggalkan (cucu perempuan kepada anak perempuan, cucu lelaki kepada anak perempuan, bapa saudara dan ibu saudara) kesemuanya mewarisi bahagian yang sama.
- 11) Terdapat di sana enam orang yang tidak terhibab selama-lamanya, tiga dari kalangan lelaki iaitu: (suami, anak lelaki dan bapa); dan tiga dari kalangan perempuan, iaitu: (isteri, anak perempuan dan ibu).

Ketiga

Keadaan yang perempuan mewarisi lebih banyak daripada lelaki:

1. Suami yang bersamanya seorang anak perempuan.
2. Suami yang bersamanya dua orang anak perempuan.

3. Anak perempuan yang bersamanya bapa-bapa saudara.
4. Jika seorang perempuan mati meninggalkan 60 ekar tanah. Pewarisnya ialah suami, bapa, ibu dan dua anak perempuan. Bahagian dua orang anak perempuan ialah 32 ekar iaitu 16 ekar setiap seorang. Sedangkan kalau si mati meninggalkan dua orang anak lelaki maka setiap orang akan mendapat 12.5 ekar di mana bahagian dua orang anak perempuan ialah $\frac{2}{3}$ daripada harta pusaka bahagian dan anak lelaki menjadi asobah selepas dibahagikan kepada ahli waris berkenaan.
5. Jika seorang perempuan mati meninggalkan 48 ekar tanah. Pewarisnya ialah suami, dua orang saudara perempuan seibu sebapa dan ibu. Dua orang saudara perempuan mendapat $\frac{2}{3}$ daripada harta peninggalan iaitu setiap seorang saudara perempuan mendapat 12 ekar. Sedangkan kalau si mati meninggalkan saudara lelaki, setiap seorang saudara lelaki akan mendapat 8 ekar, kerana keduanya mewarisi baki harta peninggalan sebagai asobah setelah ditolak bahagian suami dan ibu.
6. Demikian juga halnya dalam masalah ini, sekiranya si mati meninggalkan adik beradik perempuan yang

akan mewarisi lebih banyak daripada adik beradik lelaki sebapa.

7. Sekiranya seorang perempuan mati meninggalkan suami, bapa, ibu dan dua orang anak perempuan dengan meninggalkan tanah seluas 156 ekar. Anak perempuan akan mewarisi separuh daripada peninggalannya iaitu 72 ekar. Sedangkan jika sekiranya dia meninggalkan anak lelaki sebagai ganti anak perempuan, anak lelaki hanya akan mewarisi sebanyak 65 ekar sahaja sebagai asobah daripada baki yang diwarisi oleh suami, bapa dan ibu.
8. Jika sekiranya seorang wanita mati meninggalkan suami, ibu dan dua orang adik beradik perempuan seibu sebapa dengan meninggalkan tanah sebanyak 48 ekar umpamanya. Maka adik beradik perempuan seibu sebapa akan mewarisi sebanyak 18 ekar, sedangkan jika sekiranya si mati meninggalkan adik beradik lelaki seibu sebapa, mereka akan hanya mewarisi sebanyak 8 ekar sahaja, iaitu baki asobah yang diwarisi oleh suami dan ibu. Dalam keadaan sedemikian adik beradik perempuan seibu sebapa lebih banyak mewarisi harta pusaka jika dibandingkan dengan adik beradik lelaki seibu sebapa.
9. Sekiranya seorang lelaki mati meninggalkan isteri, ibu, dua orang adik beradik perempuan seibu dan dua

orang adik beradik lelaki seibu sebapa dengan meninggalkan tanah sebanyak 48 ekar. Maka dua orang adik beradik perempuan seibu - kerabat yang agak jauh - mendapat 16 ekar, iaitu 8 ekar seorang, sedangkan bahagian dua orang adik beradik lelaki seibu sebapa hanya mendapat 12 ekar iaitu hanya 6 ekar seorang.

10. Jika sekiranya seorang wanita mati meninggalkan suami, ibu dan seorang adik beradik perempuan seibu dan dua orang adik beradik lelaki seibu sebapa dengan meninggalkan tanah sebanyak 120 ekar umpamanya. Maka adik beradik perempuan seibu mendapat warisan sebanyak $\frac{1}{3}$ daripada harta peninggalan iaitu 40 ekar, sedangkan dua orang adik beradik lelaki seibu sebapa hanya mendapat 20 ekar sahaja. Ini bermakna adik beradik perempuan seibu yang lebih jauh kedudukannya dari segi pertalian kerabat mewarisi empat kali ganda daripada dua orang adik beradik lelaki seibu sebapa.
11. Ibu yang tidak bersamanya anak-anak atau cucu dan hanya meninggalkan suami sahaja, mengikut mazhab Ibn Abas r.a. Sekiranya seorang wanita mati meninggalkan bapa, ibu dan suami, maka suami mendapat separuh bahagian, ibu satu pertiga dan bakinya adalah bahagian bapa iaitu satu perenam menyamai separuh bahagian isterinya.

12. Jika sekiranya seorang wanita mati meninggalkan suami, ibu dan seorang adik beradik perempuan seibu dan dua orang adik beradik lelaki seibu sebapa dengan meninggalkan tanah sebanyak 60 ekar umpamanya. Maka adik beradik perempuan seibu mewarisi 10 ekar sedangkan adik beradik lelaki seibu sebapa hanya mewarisi 5 ekar sahaja. Ini bermakna adik beradik perempuan seibu bahagiannya berganda daripada adik beradik lelaki seibu sebapa, sekalipun kedudukannya agak jauh dari segi pertalian kerabat.
13. Sekiranya seorang lelaki mati meninggalkan isteri, ibu, bapa, seorang anak perempuan dan seorang cucu perempuan daripada anak lelakinya dan meninggalkan tanah sebanyak 576 ekar. Maka bahagian cucu perempuan daripada anak lelakinya ialah 96 ekar, sedangkan jika sekiranya meninggalkan cucu lelaki daripada anak lelaki, dia hanya mendapat bahagian 27 ekar sahaja.
14. Sekiranya seorang mati meninggalkan ibu, ibu kepada ibu dan ibu kepada bapa dan meninggalkan tanah sebanyak 60 ekar umpamanya. Maka bahagian ibu satu perenam dan bakinya dikembalikan kepadanya sebagai masalah hukum radd. Jika sekiranya si mati meninggalkan bapa pula dan bukannya ibu, iaitu dia meninggalkan bapa, ibu

kepada emak dan ibu kepada bapa, maka ibu kepada emak mewarisi satu perenam daripada harta pusaka iaitu 10 ekar dan bakinya ialah bahagian bapa iaitu sebanyak 50 ekar. Ini bermakna si ibu mewarisi 60 ekar peninggalan si mati. Sebaliknya jika duduk di tempat ibu, dia hanya mewarisi sebanyak 50 ekar sahaja.

Keempat:

Keadaan yang perempuan itu mewarisi harta pusaka sedangkan lelaki pula tidak:

1. Jika sekiranya seorang wanita mati meninggalkan suami, bapa, seorang anak perempuan dan cucu perempuan daripada anak lelaki dengan meninggalkan kebun sebanyak 195 ekar umpamanya. Maka cucu perempuan daripada anak lelakinya mewarisi $\frac{1}{6}$ iaitu 26 ekar, sedangkan jika dia meninggalkan cucu lelaki daripada anak lelaki, maka dia tidak mendapat sebarang warisan, kerana beliau hanya akan mengambil baki sebagai asobah, di sini tidak ada baki warisan.
2. Jika sekiranya seorang wanita mati meninggalkan suami, adik beradik perempuan seibu sebapa, adik beradik perempuan sebapa dengan meninggalkan kebun sebanyak 84 ekar umpamanya. Maka adik beradik perempuan sebapa mewarisi satu perenam

iaitu 12 ekar, sedangkan jika tempat adik beradik perempuan sebapa itu digantikan dengan adik beradik lelaki sebapa, maka adik beradik lelaki sebapa tidak akan mewarisi apa-apa.

Jika meninggalkan adik beradik lelaki sebapa kerana $\frac{1}{2}$ bahagian untuk suami dan $\frac{1}{2}$ bahagian lagi adalah untuk adik beradik perempuan seibu sebapa dan bakinya adalah untuk bahagian adik beradik lelaki sebapa, tetapi tidak ada lagi harta pusaka yang berbaki.

3. Masalah pewarisan nenek: Kebanyakan nenek akan mewarisi harta pusaka, sedangkan datuk pula kadang-kadang tidak mewarisi. Dengan mengkaji kaedah pewarisan datuk dan nenek kita dapati: Datuk yang sebenar (yang mewarisi harta), iaitu yang tidak diselangi oleh ibu di dalam pertalian nasabnya. Contohnya bapa kepada bapa atau bapa kepada bapa kepada bapa dan seterusnya. Ada pun bapa kepada ibu atau bapa kepada ibu kepada ibu, beliau adalah datuk yang tidak mewarisi harta pusaka. Ada pun nenek yang mewarisi pula ialah yang tidak diselangi oleh datuk yang tidak mewarisi di dalam pertalian nasabnya, atau tidak diselangi oleh bapa di dalam susur galur keturunannya. Oleh itu, ibu kepada bapa ibu ialah nenek yang tidak mewarisi harta

pusaka. Ibu kepada ibu pula dan ibu kepada emak bapa ialah nenek yang mewarisi harta pusaka.

4. Sekiranya seorang mati meninggalkan bapa kepada ibu dan emak kepada ibu, dalam keadaan ini, emak kepada ibu mewarisi semua harta peninggalan si mati di mana beliau mengambil $\frac{1}{6}$ sebagai fardhu dan bakinya dikembalikan semula kepadanya sebagai hukum radd, dan bapa kepada ibu tidak mewarisi sesuatu kerana dia ialah datuk yang tidak mewarisi harta.
5. Demikian juga jika sekiranya seorang mati meninggalkan bapa kepada emak ibu dan ibu kepada emak ibu, maka ibu kepada emak ibu meghabisi semua harta peninggalan iaitu dia mengambil satu perenam sebagai yang fardhu dan bakinya diberikan kepadanya sebagai hukum radd, maka tidak ada sebarang bahagian untuk ayah kepada emak ibu kepada ibu, kerana dia ialah datuk yang tidak mewarisi harta pusaka.

Oleh itu terdapat lebih daripada 30 keadaan yang kaum wanita mendapat warisan seperti kaum lelaki dan kadang-kadang lebih banyak lagi, atau kaum wanita mendapat warisan harta peninggalan sedangkan kaum lelaki tidak mendapat sebarang warisan. Hanya dalam empat

keadaan sahaja kaum wanita mewarisi separuh daripada bahagian kaum lelaki.

Ini merupakan hasil penelitian secara terperinci mengenai masalah warisan dalam ilmu faraid. Dengan ini saya yakin bahawa kekeliruan yang timbul telah hilang setelah penerangan yang telah diberi kepada mereka yang benar-benar insaf dan jujur pada diri sendiri. Kami mohon supaya dipelihara oleh Allah SWT.

Wallahu a'lam.

Soalan 10

Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan berbilang isteri atau poligami itu? Bagaimana kita menolak berbagai dakwaan yang berkaitan dengannya?

Jawab

Dalam usaha kita untuk memperbetulkan pemahaman dan menegakkan hakikat sebenar, kita perlu mengetahui bahawa

Islam telah datang dengan menetapkan had bilangan isteri-isteri yang boleh dikahwini, dan bukan datang dengan membiarkan suami boleh berkahwin lebih tanpa had sebagaimana tanggapan setengah orang.

عَنْ سَالِمٍ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ غَيْلَانَ بْنَ سَلَمَةَ الثَّقَفِيَّ أَسْلَمَ وَتَحْتَهُ عَشْرَ نِسْوَةٍ، فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: اخْتَرِ مِنْهُنَّ أَرْبَعًا.

"Daripada Salim daripada bapanya, bahawa Ghailan ibn Salamah as-Thaqafi memeluk Islam dan mempunyai

sepuluh orang isteri, maka Nabi SAW memerintahkan beliau memilih empat orang sahaja.”¹³

Daripada hadis ini jelas kepada kita bahawa Islam menentukan bilangan isteri yang boleh dikahwini. Sebaliknya pula tidak terdapat suruhan supaya orang yang berkahwin hanya seorang itu berkahwin lagi. Ini kerana berpoligami itu bukan tujuan maksud perkahwinan, tetapi ia dilakukan kerana kepentingan dan sebab-sebab tertentu.

Di dalam al-Quran tidak terdapat ayat mengenai berbilang isteri yang diturunkan bersendirian tanpa sebab. Firman Allah:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ
النِّسَاءِ مَثْنَىٰ وَثُلَاثَ وَرُبْعَ ۖ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا
مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰ أَلَّا تَعُولُوا ﴿٦٠﴾

“Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan)

¹³ Riwayat Ahmad dalam Musnadnya, 2/13; dan Ibn Majah dalam Musnadnya, 1/628.

seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.” (An-Nisa’: 3)

Mereka yang mentafsirkan ayat al-Quran dengan tafsiran yang salah atau mengkajinya sebagai peraturan sosial yang dicipta oleh manusia, mereka mentafsirkannya secara berasingan daripada sebab ayat ini diturunkan, iaitu adanya anak-anak yatim dan ibu-ibu tunggal di mana berlakunya berbilang isteri itu berkaitan dengan masalah anak-anak yatim. Mereka membuat tafsiran dengan mengeneplikan firman Allah:

فَأَنْكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَىٰ وَثُلَاثَ وَرُبْعَ ۚ

“Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat.”

Tanpa mengaitkan dengan ayat sebelumnya yang diungkapkan dalam bentuk bersyarat iaitu:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ

“Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka).”

Demikian juga tidak dikaitkan dengan ayat selepasnya yang mengikat keharusan berbilang isteri dengan syarat berlaku adil. Firman Allah:

فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً

“Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja.” (An-Nisa’: 3)

Sesiapa yang membaca al-Quran, tidak terdapat seruan secara terbuka dan jelas membenarkan berbilang isteri tanpa bersyarat sebagaimana yang dijelaskan. Sesiapa yang mengkaji sunnah pula akan mendapati bahawa Islam melarang berbilang isteri lebih daripada empat orang perempuan. Jauh sekali antara Islam memerintahkan berkahwin hingga empat orang isteri dan antara Islam melarang menghimpunkan lebih daripada empat orang isteri.

Sesungguhnya sistem berbilang isteri merupakan suatu yang telah masyhur di kalangan orang Arab sebelum kedatangan Islam, demikian juga di kalangan orang-orang Yahudi dan orang-orang Parsi. Sejarah telah menjelaskan kepada kita mengenai raja-raja dan sultan yang telah lalu, mereka membina rumah-rumah besar yang boleh memuatkan kadang-kadang sehingga lebih daripada seribu orang, untuk menempatkan isteri-isteri dan gundik-gundik. Kadang-kadang mereka menjadikannya sebagai hadiah

kepada raja-raja yang lain, kemudian mengambil wanita-wanita yang baru pula sebagai ganti. Ini adalah seperti yang terdapat di dalam ajaran dan undang-undang Yahudi hingga sekarang yang mengharuskan berbilang isteri, sedangkan tidak ada sesiapa yang tergamak untuk menyerang mereka sama ada dari segi akidah, agama dan ajaran mereka.

Yang anehnya, mereka menyerang sistem kekeluargaan Islam yang membenarkan suami berkahwin sekali lagi dengan perempuan lain dalam suasana dan keadaan tertentu, mengalami keluarga berantakan, merebaknya kemungkaran dan penganiayaan, membolehkan berbilang perempuan simpanan tanpa had. Sedangkan perempuan simpanan sebenarnya tidak mendapat hak sebagai isteri. Selain itu tindakan tersebut mengkhianati kaum wanita, mengugurkan haknya, dan mereka tidak diiktiraf sebagai isteri, begitu juga anak-anak yang lahir tanpa nikah. Maka perempuan itu sendirilah yang menanggung beban membayar kos penguguran yang dilakukan sekiranya ingin mengugurkan kandungan, atau hidup tanpa suami untuk membela anak-anak luar nikah. Jadi manakah yang lebih baik antara sistem kekeluargaan Islam yang teratur itu dengan sistem yang mereka amalkan? Firman Allah:

فَأَيُّ الْفَرِيقَيْنِ أَحَقُّ بِالْأَمْنِ ^{عَلَيْهِ} إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ .

“Maka yang manakah di antara dua puak itu yang lebih berhak mendapat keamanan (dari bahaya), jika betul kamu mengetahui?” (Al-An’am: 81)

Berbilang isteri yang diharuskan di Barat ialah berbilang tanpa tanggungjawab, iaitu berbilang isteri yang tidak mengambil apa-apa tanggungjawab kepada kaum wanita, malahan ia dijadikan hamba oleh kaum lelaki dan menjalani idup bersamanya tanpa hubungan rasmi. Mereka merampas kehormatannya, kemudian dicampakkan keluar dari hati dan kehidupan mereka bila sudah tidak diperlukan lagi, perlakuan sedemikian sering menyebabkan keluarganya menghadapi penyakit kelamin yang bahaya, disamping anak-anak haram yang selalunya tidak diiktiraf oleh mereka. Disebabkan banyaknya bilangan dan kajian yang dilakukan, memadailah kita mengambil contoh dari negara Barat khususnya di Amerika Syarikat, biarkan angka yang membuktikan:

- Pada tahun 1980, seramai 1,553,000 pengguguran dilakukan, 30% daripadanya melibatkan wanita yang berumur di bawah 20 tahun, pihak polis pula melaporkan bahawa bilangan yang sebenar ialah lebih tiga kali ganda ramainya.
- Pada tahun 1982, 80% perceraian berlaku dikalangan pasangan berkahwin dalam tempoh 15 tahun.

- Pada tahun 1984, 8 juta wanita hidup sendiri bersama anak-anak mereka tanpa ada bantuan daripada sesiapa.
- Pada tahun 1986, 27% penduduk Amerika hidup ditanggung oleh golongan wanita.
- Pada tahun 1982, 65 daripada 10 ribu orang wanita menjadi mangsa rogol.
- Pada tahun 1995, 82 juta jenayah rogol; 80% daripadanya adalah dari kalangan keluarga dan sahabat handai. Pihak polis mengatakan, bilangan sebenar ialah 35 kali ganda.
- Pada tahun 1997, mengikut pertubuhan mempertahankan hak-hak asasi kaum wanita, kaum wanita menjadi mangsa rogol setiap 3 saat, manakala siaran rasmi menolak dakwaan tersebut kerana bilangan tersebut adalah keterlaluan, sedangkan bilangan sebenar wanita menjadi mangsa rogol ialah pada setiap 6 saat.
- 74% golongan orang tua yang uzur dan miskin terdiri daripada golongan wanita; manakala 85% daripada mereka pula hidup sebatang kara tanpa bantuan dan sumbangan.

- Pada tahun 1979-1985, telah dilakukan program pemandulan kepada wanita dari Amerika Latin dan wanita Red Indian yang datang ke Amerika tanpa pengetahuan mereka.
- Pada tahun 1980-1990, di Amerika Syarikat terdapat hampir sejuta wanita yang bekerja sebagai pelacur.
- Pada tahun 1995, hasil pelacuran dan pengiklanannya mencecah sebanyak 2,500 juta dollar. (Laporan tahunan "Kamus Wanita" yang diterbitkan oleh Maahad ad-Dirasat ad-Dauliyah Haulal Mar'ah berpusat di Madrid.

Semua angka-angka di atas merupakan hasil yang tabi'i dan semulajadi disebabkan mereka mahu mengubah sistem perkahwinan dan penghormatan kaum wanita dalam syariah Islamiyah kepada sistem hidup yang bebas dengan berbilang teman wanita dan perempuan simpanan menurut mereka yang menolak syariat Islam.

Mari kita lihat pendapat mereka yang tidak berat sebelah dari kalangan orang Barat, antara mereka mengatakan: Terlalu ramai kalangan wanita remaja kita yang menjadi sesat dan merebaknya bala bencana. Para pengkaji memberikan sebab kenapa berlakunya sedemikian, jika anda seorang wanita melihat aku memerhati wanita-wanita tersebut, hatiku hancur berkecai kerana simpati dan

sayangkan mereka. Apa faedahnya aku melahirkan kedukaanku, kesakitan batinku, kesedihanku sekalipun semua orang bersimpati bersamaku, kerana semua itu tidak ada gunanya kecuali berusaha untuk menghalang daripada keadaan ini berlaku berterusan.

Tus, seorang ahli sains menjelaskan: Ubat yang mujrab sekali untuk merawat dan menyembuhkan penyakit ini ialah membenarkan kaum lelaki berkahwin lebih daripada seorang. Dengan cara ini tanpa syak lagi akan hapuslah bala yang menimpa kita. Anak-anak perempuan kita akan menjadi suri rumahtangga. Yang menjadi bala bencana ialah kerana peraturan memaksa lelaki Eropah hanya boleh berkahwin dengan seorang wanita sahaja. Ketetapan inilah yang menjadikan anak-anak kita menjadi anak yang merempat dan memaksa melakukan kerja-kerja yang dilakukan oleh kaum lelaki. Sudah tentu akan meningkatkan lagi keburukan dalam masyarakat jika sekiranya kaum lelaki tidak dibenarkan berkahwin lebih daripada seorang isteri.

Berapa ramai dari kalangan lelaki berkahwin yang mempunyai anak luar nikah, akhirnya menjadi beban dan keaiban kepada masyarakat. Jika sekiranya berbilang isteri itu diharuskan nescaya tidak akan menimpa azab sangsara dan penderitaan kepada anak-anak dan si ibu yang malang. Akan selamatlah maruah mereka dan anak-anak mereka.

Sesungguhnya kegiatan kaum wanita yang ingin menandingi kaum lelaki dari segi kerjaya akan membawa

kepada kebinasaan. Bukankah anda melihat bahawa kejadian wanita menunjukkan ia bukan sebagaimana kejadian lelaki, dan apa yang ada pada kaum lelaki berbeza peranannya dengan kaum wanita. Jadi dengan membenarkan suami berkahwin lebih daripada seorang isteri akan memberikan ruang kepada setiap wanita sebagai suri rumah dan ibu kepada anak-anak yang sah.

Seorang penulis lain berkata: Anak-anak perempuan kita berperanan di dalam rumah sebagai pembantu rumahtangga adalah lebih baik dan lebih ringan kesan buruknya daripada membenarkan mereka bekerja di luar rumah. Kerana anak kita akan dicemari dengan pelbagai kegiatan yang tidak sihat yang akan menghilangkan keindahan hidup selama-lamanya. Alangkah baiknya jika negara kita adalah seperti negara-negara Islam yang mempunyai kesopanan, kehormatan dan kesucian di mana pembantu rumah dan hamba sahaya lebih menikmati kehidupan yang selesa dan boleh bekerja seperti kanak-kanak yang berada di dalam rumah, dengan ini ia tidak akan menghadapi sebarang masalah dalam hidup.

Memang amat mengaibkan bagi negara Barat yang menjadikan anak-anak perempuan mereka sebagai model bagi keburukan i sebabkan percampuran mereka antara lelaki dan wanita yang melampau dan tanpa batas. Mengapa kita tidak berusaha mengatasinya dengan menjadikan anak-anak perempuan bekerja dengan apa yang sesuai dengan

fitriah semulajadi mereka sebagai suri rumah dan meninggalkan tugas yang dilakukan oleh kaum lelaki kepada kaum lelaki bagi menjamin kehormatannya.¹⁴

Schopenhauer seorang ahli falsafah German berkata: Sesungguhnya sistem perkahwinan di Eropah pada dasarnya adalah rosak disebabkan memberikan persamaan antara kaum wanita dengan kaum lelaki. Dengan menetapkan kepada suami hanya seorang isteri, kita telah kehilangan separuh daripada hak-hak kita dan semakin berlipat kali ganda tugas dan peranan kita ... seterusnya beliau berkata: Tidak pernah berlaku kehilangan kepada kaum wanita yang mengharuskan berbilang isteri kerana para suami mengurus kehidupannya. Wanita yang berkahwin di negara kami adalah terlalu sedikit sedangkan yang tidak berkahwin itu tidak dapat dikira bilangannya. Kita akan lihat keadaan mereka yang tidak terurus kehidupannya. Lihatlah golongan gadis dari kalangan kaum bangsawan telah menjadi tua dalam keadaan kecewa kerana cinta. Manakala golongan kelas bawahan pula hidup dalam keadaan merana kerana dhaif, mereka terpaksa menanggung kesusahan bekerja dan mereka hidup dalam keadaan hina dan melarat. Di bandar London sahaja terdapat 80,000 anak gadis dari golongan kebanyakan yang kehormatan mereka diragui kerana menjadi mangsa dari

¹⁴ Al-Manar, 2/362 petikan dari Akhbar London Thruth.

peraturan suami hanya boleh berkahwin tidak lebih dari seorang isteri. Ini adalah kesan daripada wanita-wanita Eropah yang angkuh yang menuntut perkara-perkara yang tidak betul. Sekarang telah tiba masanya kita mengambil kira bahawa berpoligami atau beristeri lebih daripada seorang isteri itu merupakan suatu hakikat bagi kebaikan kaum wanita sendiri.¹⁵

Annie Besant, pemimpin Theosophy antarabangsa dalam bukunya “Agama-agama yang berkembang di India” mengatakan: Apabila kita membuat penilaian dengan saksama, adil dan betul, jelas kepada kita bahawa berbilang isteri dalam Islam yang dapat mengurus, melindungi, memberi pakaian dan makan minum kepada isteri – adalah lebih baik dan lebih terhormat daripada wanita-wanita Barat yang membenarkan kaum lelaki untuk mengambil peprempuan bagi memuaskan nafsu syahwat, kemudian mencampakkannya begitu sahaja apabila sudah tidak diperlukan lagi.

Gostave Le Bon berkata: Sistem berpoligami merupakan satu peraturan yang amat baik, ia dapat meningkatkan tahap keperibadian umat yang mengamalkannya, dan menambahkan kukuhnya hubungan kekeluargaan. Ia juga memberikan kebahagiaan dan

¹⁵ Islam Ruhul Madaniyah, Mustaffa al-Ghulayini, hal. 224, ini yang disebutkan oleh Shobenhor pada zamannya di mana beliau meninggal dunia pada tahun 1860.

penghormatan kepada kaum wanita sebagaimana yang tidak terdapat di Eropah.

Dari apa yang dibincangkan telah meyakinkan kita bahawa sistem poligami atau pengharusan berkahwin lebih daripada seorang isteri dalam keadaan dan suasana yang dibenarkan oleh syarak bukanlah sesuatu yang ditolak oleh pemikir-pemikir Barat. Kita telah lihat bagaimana pengakuan sesetengah daripada mereka.

Kesimpulannya, kami menegaskan bahawa Islam membenarkan kaum lelaki berkahwin lebih daripada seorang isteri. Semuanya ini terdapat hikmahnya sebagaimana yang telah dijelaskan. Keharusan itu pula adalah diikat dengan syarat tertentu. Firman Allah:

وَأِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ
النِّسَاءِ مَثْنَىٰ وَثُلَاثَ وَرُبْعَ ۖ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا
مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ

“Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di

antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki.” (An-Nisa’: 3)

Di dalam ayat yang lain Allah SWT telah menerangkan kepada kita tentang kepayahan untuk berlaku adil kepada wanita-wanita yang dikahwini. Firman Allah SWT:

وَلَنْ تَسْتَطِيعُوا أَنْ تَعْدِلُوا بَيْنَ النِّسَاءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْ فَلَا تَمِيلُوا
كُلَّ الْمِيلِ فَتَذَرُوهَا كَالْمُعَلَّقَةِ .

“Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya); oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau (berat sebelah kepada isteri yang kamu sayangi) sehingga kamu biarkan isteri yang lain seperti benda yang tergantung (di awang-awang). (An-Nisa’: 129)

Kita juga telah melihat di dalam hadis Nabi SAW, bahawa baginda tidak menyuruh dalam satu hadis pun sesiapa yang berkahwin dengan seorang isteri hendaklah dia berkahwin lagi. Malahan hadis tersebut menyatakan sebaliknya, iaitu sesiapa yang mempunyai ramai isteri hendaklah diceraikan dan ditinggalkan dengan bilangan tertentu sahaja seperti yang telah disebut di dalam hadis Salim yang telah meriwayatkan daripada bapanya, bahawa Ghailan ibn Salamah ath-Thaqafi telah memeluk Islam

sedangkan beliau mempunyai sepuluh orang isteri, maka baginda bersabda kepadanya pilihlah empat orang sahaja.¹⁶

Dengan pencerahan di atas, persoalan ini telah nampak jelas dan kekeliruan telah dapat diperbetulkan. Jelas di sini bahawa berkahwin lebih daripada seorang isteri atau berpoligami berdasarkan peraturan syariat Islam pada hakikatnya adalah satu penghormatan kepada kaum wanita. Ini kerana sebagai seorang insan pandangannya mestilah luas dan menyeluruh. Memberi tanggapan yang negatif kepada seorang perempuan yang akan dikahwini oleh seorang lelaki bukan sesuatu yang adil, kerana yang akan dikahwini oleh seorang lelaki itu adalah wanita juga. Syara' telah memberikan penghormatan kepada wanita dengan mengharuskan kaum lelaki mengahwini wanita yang lain untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan masalah ekonomi.

Marilah kita berdoa kepada Allah SWT semoga memberikan petunjuk dan hidayah mengenai urusan dunia dan akhirat, hanya Allah sahaja tempat kita berdoa. Amin.

¹⁶ Riwayat Ahmad dalam Al-Musnad, 2/13; dan Ibn majah dalam Sunannya, 1/628.